

**MODUL  
BAHAGIAN C  
(PENULISAN  
BAB)**

## ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN C</b>	<b>6</b>
<b>BAB 1 – PENGENALAN KEPADA TESIS</b>	<b>6</b>
Hasil Pembelajaran	6
Pengenalan kajian	6
Latar Belakang Kajian	7
Pernyataan Masalah	8
Prinsip-Prinsip Pemilihan Masalah Penyelidikan	10
Cara Menulis Pernyataan Masalah	10
Objektif Kajian	11
Persoalan Kajian	11
Kerangka teori kajian	12
Batasan Kajian	13
Rumusan	15
Latihan	15
Rujukan	16
<b>BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
Hasil Pembelajaran	18
Pengenalan	18
Definisi Tinjauan Literatur	18
Kepentingan Tinjauan Literatur	19
Cara Menuliskan Tinjauan Literatur	21
Menulis Kajian Lepas	22
P	24
Autoriti Penulis	24
Tulisan ilmiah berkualiti	25
Kebolehpercayaan sumber	26
Objektif	26
Cakupan	27
Menulis Tinjauan Literatur	29
Merangkum/menggabungkan semua tulisan	29
Tips: Menulis Tinjauan Literatur:	29
Parafrasa (Paraphrasing)	30
Contoh Paraphrasing - one statement	30

Mengutip (Citing)	32
Rujukan/bibliografi	32
Latihan	43
<b>BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>46</b>
Hasil Pembelajaran	46
Pengenalan	46
Rekabentuk Kajian	46
Kaedah Pengumpulan Data	49
Prosedur Pengumpulan Data	49
Prosedur Pengumpulan Data Fasa Pertama	49
Memohon Kebenaran	49
Perancangan Kerja	50
Persediaan Peralatan	50
Memurnikan Protokol Temu Bual dan Pemerhatian	50
Prosedur Pengumpulan Data Fasa Kedua (Peringkat Kajian Sebenar)	51
Tatacara Pengumpulan Data	51
Transkripsi	52
Tatacara Penganalisan Data	52
Analisis Data (Pembentukan Kategori)	54
Populasi Kajian	54
Sampel Kajian	55
Pemilihan Lokasi Kajian	58
Kaedah Persampelan	58
Pensampelan Berkebarangkalian	59
Pensampelan Rawak Mudah	59
Pensampelan Rawak Bersistematik	59
Pensampelan Rawak Berstrata	59
Pensampelan Rawak Berkluster	60
Pensampelan Bukan Berkebarangkalian	60
Pensampelan Mudah	60
Pensampelan Bertujuan	60
Pensampelan Berkuota	60
Pensampelan Bola Salji	61
Instrumen Kajian	61
Borang Kaji Selidik	61

Pemerhatian	63
Temubual	64
Ujian	65
Analisis Dokumen	65
Kajian Rintis	65
Etika Pengumpulan Data	67
Hubungan Dua Hala	67
Ketelusan	67
Kebebasan	67
Keadilan	68
Perundingan	68
Kerahsiaan	68
Akauntabiliti	68
Kesahan dan Kebolehpercayaan	68
Triangulasi	69
Tempoh Kajian	69
Persetujuan Peserta Kajian	70
Pengesahan Transkripsi	70
Pengesahan Pengembangan dan Pentafsiran Item	70
Pengesahan Kategori	70
Penelitian Kesekepakaran atau ' <i>Peer Review</i> '	71
Jejak Audit	71
Bias Pengkaji	72
Rumusan	72
Latihan	72
Rujukan	73
<b>BAB 4 - ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>75</b>
Hasil Pembelajaran	75
Pengenalan	75
Profil Demografi Responden	75
Jantina Responden	76
Ujian Kebolehpercayaan	76
Analisis Statistik Deskriptif	78
Analisis Inferensi	79
Perbincangan Hipotesis Kajian	80

Ringkasan Hipotesis Kajian	81
Latihan	81
Rujukan	82
<b>BAB 5 – CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>83</b>
Hasil Pembelajaran	83
Pengenalan	83
Perbincangan Dapatan Kajian	83
Implikasi Kajian	85
Cadangan Kajian Lanjutan	86
Rumusan	88
Latihan	88
Rujukan	88

## **BAHAGIAN C**

### **BAB 1 – PENGENALAN KEPADA TESIS**

#### **Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran daripada bab ini adalah

- i. Menjelaskan tentang pengenalan dan latar belakang kajian,
- ii. Menerangkan tentang takrifan pernyataan masalah, elemen-elemen pernyataan masalah, sumber-sumbernya, prinsip-prinsip pemilihan pernyataan masalah serta cara-cara penulisan pernyataan masalah dalam kajian.
- iii. Membezakan penulisan objektif kajian dan persoalan kajian.
- iv. Membincangkan kepentingan kajian
- v. Merangka kerangka teori dan kerangka konseptual kajian dengan baik.
- vi. Mengenalpasti batasan kajian
- vii. Mengenalpasti cara untuk menghasilkan definisi operasional kajian.

#### **Pengenalan kajian**

Pengenalan bagi setiap bab seharusnya ringkas dan padat. Biasanya pengenalan bab cuma menjelaskan apa yang terkandung dalam bab tersebut. Tidak perlu untuk menjelaskan dengan panjang lebar. Hal ini supaya penjelasan bagi pengenalan ini tidak bertindih dengan latar belakang mahupun sorotan kajian. Oleh itu, adalah wajar supaya penulisan pengenalan ini bertumpu kepada penjelasan ringkas tentang kandungan keseluruhan bab satu. Namun, pengenalan boleh juga menjelaskan sedikit tentang kajian yang dilakukan. Oleh itu, adalah wajar untuk menjelaskan tentang kajian dengan ringkas supaya tidak bertindih ataupun sama dengan penulisan dalam latar belakang kajian mahupun permasalahan kajian.

Pengenalan sering bermula dengan kenyataan umum berkaitan dengan bidang atau fokus permasalahan yang hendak diselidik, diikuti dengan

rasional dan justifikasi penyelidikan yang dicadangkan. Secara amnya, pengenalan yang ditulis hendaklah mengandungi ciri-ciri yang berikut (Cresswell, 1994):

- Membina dan membangkitkan minat pembaca terhadap topik yang diselidiki
- Memberi asas dan penjelasan yang kukuh kepada permasalahan penyelidikan yang dapat menjustifikasikan penyelidikan itu penting untuk dilaksanakan.
- Meletakkan idea penyelidikan itu dalam konteks yang berkaitan dengan tinjauan literatur, penyelidikan-penyelidikan lepas dan mengkhusus kepada penyelidikan bidang tertentu.

Menurut Noraini Idris (2010) menyatakan terdapat beberapa elemen-elemen untuk diberikan perhatian dalam penulisan pengenalan. Antaranya seperti berikut:

- Menjelaskan permasalahan penyelidikan yang akan menjadi tujuan utama penyelidikan yang mahu dilaksanakan.
- Mengemukakan konteks yang dapat menjustifikasikan bahawa permasalahan penyelidikan yang dikemukakan adalah sangat signifikan dan penting untuk diselidik.
- Mengemukakan rasional penyelidikan yang dicadangkan dan menjelaskan kepentingannya diselidik.
- Menjelaskan isu-isu utama dan permasalahan berkaitan yang akan diberi perhatian.
- Mengenalpasti pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang penting dalam kajian yang akan dijalankan serta mengemukakan fenomena yang mahu diselidik secara spesifik.
- Mengemukakan definisi tentang konsep-konsep utama yang akan digunakan dalam penyelidikan.

### **Latar Belakang Kajian**

Penulisan dalam bahagian ini seharusnya mengandungi penjelasan tentang latar belakang kajian yang ingin dijalankan. Latar belakang ini termasuklah penjelasan tentang kajian itu sendiri ataupun sejarah bermulanya sesuatu

perkara itu serta asal usul yang perlu difahami oleh pembaca. Adalah wajar jika bahagian pengenalan ini hanya mempunyai dua hingga empat halaman sahaja memandangkan jika terlalu panjang, penulisan akan menjadi keliru dan akhirnya bertindih dengan sorotan kajian. Selain itu, dalam bahagian ini juga perlu ada rujukan. Hal ini kerana rujukan yang menyokong penulisan tersebut akan lebih mengukuhkan lagi gaya penulisan terutama jika pernyataan yang ditulis merujuk sejarah atau asal usul sesuatu perkara itu.

### **Pernyataan Masalah**

Masalah merupakan isu-isu yang wujud dalam literatur, teori atau amalan yang mewujudkan keperluan pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal.

Sesuatu masalah penyelidikan dapat ditentukan dan dibentuk berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Pelbagai persoalan pasti timbul apabila diminta untuk menyatakan dan seterusnya menulis masalah penyelidikan. Antara persoalan yang mungkin timbul yang boleh dijadikan panduan oleh penyelidik baru untuk menulis bahagian 'Masalah Penyelidikan' dalam cadangan penyelidikan mereka adalah (Johnson dan Christensen, 2004);

1. Adakah perkara yang dikenal pasti itu wajar dikaji?
2. Bagaimanakah cara menulis masalah penyelidikan ini supaya pembaca dapat diyakinkan bahawa perkara itu penting untuk dikaji?
3. Adakah perkara yang ingin dikaji itu menyumbang kepada pengetahuan baru?
4. Pernahkah perkara ini dikaji sebelum ini oleh penyelidik lain? Jika ya, apakah aspek lain berkaitan masalah yang dikenal pasti yang belum disentuh atau diteliti?
5. Adakah perkara yang akan dikaji relevan kepada amalan dalam dunia pendidikan?



Mengikuti Creswell (2005), elemen-elemen yang seharusnya ada dalam sesuatu pernyataan masalah ialah:

- tajuk atau perkara yang dikaji
- masalah yang dikaji
- bukti bagi menjustifikasikan pemilihan permasalahan penyelidikan berkenaan, iaitu bukti berdasarkan karya atau literatur atau bukti daripada pengalaman-pengalaman praktikal
- kekurangan dalam bukti berkaitan dengan perkara menjadi fokus penyelidikan iaitu bukti-bukti yang sedia ada, apa yang tertinggal atau apa yang masih perlu diketahui dengan lebih lanjut
- sasaran penyelidikan, iaitu bagaimana tindakan menangani apa yang perlu diketahui dapat membantu penyelidik, pendidik, perancang serta individu atau kelompok lain yang berkepentingan.

Terdapat empat sumber utama yang menyumbang kepada sesuatu masalah untuk dikaji (Cresswell, 2005);

1. Pengalaman – penyelidik atau individu lain yang berkisar kepada kehidupan harian seperti pengalaman sebagai pendidik.
2. Literatur/penyelidikan lalu – sesuatu dapatan penyelidikan yang mempunyai aspek atau hal tertentu yang masih belum disentuh atau ditangani dan penyelidikan baru yang boleh menjadi perangsang atau pemangkin kepada satu atau lebih penyelidikan lanjutan.
3. Teori – kekurangan dalam teori-teori yang diguna pakai turut boleh dijadikan suatumasalah penyelidikan dan juga memandu penyelidikan melalui ramalan yang dibuat yang membantu kepada pembinaan idea dan penyelidikan baru.
4. Isu-isu praktikal – Isu-isu yang memerlukan penyelesaian seperti pemilihan buku teks, disiplin, stress dan konsep sendiri guru.

Berikut adalah antara perkara yang perlu dipertimbangkan oleh penyelidik dalam proses mengenal pasti masalah penyelidikan (Fraenkel dan Wallen (1996):

1. Konteks bidang yang dikenal pasti sebagai masalah.
2. Teori dan konsep utama serta idea terkini dalam bidang berkenaan.
3. Dasar kepada andaian-andaian dalam bidang berkaitan
4. Punca isu-isu berkaitan diberi kepentingan
5. Aspek yang memerlukan penyelesaian
6. Latar belakang, perbalahan dan persoalan yang masih belum terjawab, serta isu-isu signifikan yang perlu diterokai. Penyelidik harus memberi kepentingan kepada perkara-perkara di atas pada peringkat

pengenalpastian masalah supaya ia dapat memikirkan masalah yang berkaitan secara analitikal, iaitu agar penyelidik turut dapat memikirkan penyelesaian yang mungkin bagi masalah tersebut.

### **Prinsip-Prinsip Pemilihan Masalah Penyelidikan**

Terdapat dua prinsip yang perlu difikirkan oleh seseorang penyelidik apabila ingin membentuk masalah penyelidikannya (Idris Awang, 2009):

1. Masalah yang dikaji itu ialah masalah yang jitu dan konkrit serta memerlukan jalan penyelesaian. Contohnya, seorang pengetua sekolah ingin mengetahui sama ada sistem mentor membantu guru baru atau tidak.
2. Nilai sesuatu masalah sama ada berfaedah kepada diri atau negara dan ia tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa. Elakkan memilih masalah berdasarkan imaginasi tanpa tinjauan karya lalu kerana ini akan menimbulkan kekaburan dalam kalangan pembaca tentang masalah yang diselidiki.

### **Cara Menulis Pernyataan Masalah**

Berikut adalah garis panduan berkaitan dengan penulisan pernyataan masalah:

1. Perlu dinyatakan dengan tepat dan jelas.
2. Harus menjelaskan apa yang hendak diselidik, cara menyelidik masalah yang dikenal pasti serta batasan seperti setakat mana penyelidikan perlu dilakukan.
3. Menghadkan bidang penyelidikan dengan menjuruskan masalah kepada bidang-bidang yang lebih kecil.
4. Mengandungi penjelasan berkenaan pemboleh ubah atau istilah.
5. Menilai andaian-andaian yang digunakan dengan memberi bukti yang menyokong andaian.
6. Dinyatakan dalam bentuk operasi. Contoh: Kesan masa latihan menulis ke atas pencapaian pelajar tingkatan 1 dalam penulisan karangan. Dinyatakan dalam bentuk hubungan antara dua pemboleh ubah.
7. Dinyatakan dalam bentuk soalan. Contoh: Adakah jumlah masa latihan mengira memberi kesan ke atas pencapaian pelajar tingkatan 1 dalam ujian Matematik. Maka, secara amnya, sesuatu pernyataan masalah akan:
8. membincangkan isu-isu umum tentang masalah

9. menghuraikan masalah dan hubungan antara pemboleh ubah
10. menghuraikan beberapa penyelidikan lalu yang berkaitan dengan masalah
11. membincangkan kekurangan dalam penyelidikan lalu menutup dengan persoalan yang perlu dijawab.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian seharusnya spesifik, boleh diukur, kebolehcapaian, realistik dan bersesuaian dengan tempoh kajian. Penulisan objektif perlu dalam bentuk kata kerja yang berkaitan dengan bidang dan tahap kajian masing-masing. Menurut Ghazali Darusalam dan Suffean Hussin (2016) menyatakan objektif kajian yang ditulis akan menentukan arah sesuatu kajian. Ia juga memandu hala tuju kajian serta perkara-perkara yang dapat dicapai di akhir sesuatu kajian. Objektif kajian perlu jelas, rasional serta berkait dengan tajuk, masalah yang dikaji, tujuan dan persoalan kajian. Objektif kajian yang ditetapkan perlulah boleh dicapai dan boleh diukur melalui data yang akan dikumpulkan di samping dapat menghuraikan satu per satu apa yang hendak dikaji, selaras dengan tujuan kajian. Ia juga penting bagi menentukan fokus kajian agar tidak tersasar daripada penyelidikan yang telah dirancang.

### **Persoalan Kajian**

Bahagian ini mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian. Soalan kajian biasanya dibina berasaskan objektif kajian dan perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah.

### **Kepentingan Kajian**

Bahagian ini memperincikan secara jelas impak kajian dan menjelaskan apakah faedah-faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat,

negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji.

### **Kerangka teori kajian**

Menjelaskan aspek berkaitan teori dan/atau konsep yang mendasari kajian daripada sumber sumber yang berwibawa daripada sarjana, pakar dan penyelidik dalam bidang. Sekiranya perlu kerangka ini boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah.

Menurut Sunawari Long (2009) menyatakan kerangka teori adalah paradigma yang digunakan oleh penyelidik dalam meneliti permasalahan kajian. Sebagai contoh, seorang penyelidik yang meneliti falsafah alam sekitar menurut Islam, pembacaanya terhadap literatur yang pelbagai akan mendedahkan kepada beberapa teori berkaitan alam sekitar seperti environmentalisme, idealisme dan modernisme. Hasil garapan pelbagai teori ini, penyelidik memilih idealisme dan modenisme sebagai landasan penyelidikannya. Dalam hal ini kerangka teori berperanan sebagai alat yang digunakan dalam menghuraikan peralihan kajian seorang penyelidik. Pada akhir kajian sebuah kerangka teori, terhasilah sebuah model teori atau kerangka pemikiran penyelidik.

Melalui penelitian kajian kepustakaan, kerangka teori dapat dirangka berdasarkan pengenalpastian konsep, pengoperasian konsep, definisi konsep dan meneroka korelasi antara konsep. Bagi membina kerangka teori yang baik, penyelidik perlu menghuraikan pembolehubah penting, menjelaskan antara dua atau lebih pembolehubah berasaskan teori, menjadikan penyelidikan lepas sebagai asas penjelasan, menjelaska mengapa hubungan yang dinyatakan wujud serta membentangkan satu gambarajah skematik tentang hubungan antara pembolehubah.

Bagi menjelaskan maksud teori, Ensiklopedia Encarta (2002) mentakrifkan teori sebagai andaian-andaian atau system membuat andaian itu. Ini termasuklah prinsip dan prosedur yang berasaskan maklumat, kaedah membuat analisis, membuat jangkaan dan bagaimana menjelaskan fenomena-fenomena yang akan memberikan konsep abstraknya. Bagi Kerlinger (1986) pula menjelaskan teori merupakan suatu set konsep yang saling berkait dan dapat menjelaskan fenomena dengan mengenalpasti perkaitan antara pembolehubah yang sesuai.

Bagi membentuk kerangka kerja penyelidikan, pada asasnya teori dapat membantu penyelidik melihat bidang ilmu secara sistematik. Dengan kefahaman yang tersusun, beberapa bidang ilmu dapat digabungkan bagi membina perkaitan antara konsep dari disiplin ilmu tertentu. Ini dapat membantu penyelidik membina kerangka kerja asas permasalahan yang ingin dikaji. Seterusnya persoalan kajian dan hipotesis kajian dapat dibentuk bagi menentukan arah kajian.

Kerangka konseptual atau teoritikal kajian amat penting kerana ia menggambarkan secara holistik sesuatu kajian yang akan dilakukan. Dengan melihat kerangka ini maka seluruh kajian akan dapat dilihat dan mudah difahami, juga dibuat agar kajian tidak tersasar daripada penyelidikan asasnya. Kerangka ini perlu dibentuk dalam bentuk gambarajah atau grafik yang menunjukkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian yang telah dikaitkan dengan teori-teori yang berkaitan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2016).

### **Batasan Kajian**

Bahagian ini menerangkan skop dan had kajian. Setiap kajian ada batasan yang tersendiri. Oleh itu batasan kajian perlu dilaporkan walaupun secara ringkas. Batasan kajian juga merujuk kepada kemungkinan wujudnya

kelemahan kajian yang diluar kawalan anda yang melibatkan parameter dalam metodologi kajian seperti pemilihan sampel bukan rawak, saiz sampel yang kecil, kesan variabel luaran atau variabel moderator yang anda kenalpasti mungkin memberi kesan kepada kajian anda.

Terdapat tiga aspek yang boleh dijadikan asas dalam penulisan batasan kajian. Menurut Sunawari Long (2009) adalah seperti berikut;

- Batasan masa adalah membataskan masa atau tempoh tertentu pada objek kajian.
- Batasan bidang kajian adalah menghadkan bidang atau niche kajian pada aspek tertentu sahaja.
- Batasan lokasi kajian adalah membataskan kajiannya pada lokasi-lokasi tertentu bagi memudahkan penyelidikan, menjimatkan kos dan kajian lebih terfokus.

### **Definisi Operasional Kajian**

Definisi operasional atau definisi istilah menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian. Menjelaskan definisi operasional merupakan perkara yang sangat penting bagi mengelakkan kesalahan kefahaman semasa pengumpulan data. Kesalahan pemahaman muncul dalam bentuk "bias". Ia juga disebabkan oleh pemilihan atau penggunaan instrumen (alat pengumpul data) yang kurang tepat atau susunan pertanyaan yang tidak konsisten.

Definisi operasional adalah pernyataan yang menerangkan tentang definisi, cara ukur, alat ukur, hasil ukur, dan skala ukur dari variabel-variabel yang akan diteliti. definisi operasional adalah mendefinisikan variabel secara operasional berdasarkan karekteristik yang diamati, sehingga memungkinkan peneliti untuk melakukan observasi atau pengukuran secara cermat terhadap suatu objek atau fenomena. Defisini operasional juga didasarkan atas sifat-sifat hal yang didefinisikan yang dikaji.

Ahmad Sunawari (2009) juga menjelaskan definisi operasional ini merupakan sejumlah perkataan yang dipilih oleh penyelidik untuk diberikan huraian

supaya tidak mengelirukan pembaca yang berkemungkinan mempunyai maksud lain seperti yang difahami oleh penyelidik. Perkataan-perkataan yang dipilih hendaklah diberikan definisi sesuai dengan maksud penyelidik sendiri berdasarkan pendapat pakar bidang atau literatur berkaitan penyelidikannya.

## **Rumusan**

Bahagian ini, merumuskan tentang pengenalan, latar belakang kajian, takrifan pernyataan masalah, elemen-elemen pernyataan masalah, sumber-sumbernya, prinsip-prinsip pemilihan pernyataan masalah serta cara-cara penulisan pernyataan masalah dalam kajian. Di samping itu, ia juga mengupas tentang penulisan objektif kajian dan persoalan kajian. Kepentingan kajian turut dibincangkan bagi menghasilkan kajian yang baik. Perbincangan tentang kerangka teori dan kerangka konseptual kajian turut dibincangkan bagi memberi panduan pada pembaca untuk mengenalpasti sandaran teori atau model yang digunakan sebagai panduan kajian. Akhir sekali, pembaca juga turut didedahkan dengan batasan kajian dan definisi operasional kajian.

## **Latihan**

1. Sebelum melaksanakan sesuatu penyelidikan, penyelidik perlu mengenalpasti permasalahan kajian. Bincangkan bagaimana untuk menghasilkan pernyataan masalah kajian beserta contoh.
2. Bagaimana kita dapat menentukan samada wajar atau tidak bagi kita melaksanakan sesuatu penyelidikan yang dicadangkan?
3. Bagaimana untuk membentuk objektif kajian dan persoalan kajian yang baik?
4. Kerangka konseptual kajian merupakan panduan untuk melaksanakan penyelidikan. Bincangkan prosedur untuk membentuk kerangka teori tersebut.

5. Jelaskan aspek-aspek batasan kajian yang perlu ada dalam sesuatu kajian penyelidikan.
6. Bincangkan kepentingan definisi operasional kajian dalam sesuatu kajian. Nyatakan contoh yang bersesuaian.

### **Rujukan**

Ahmad Sunawari Long. (2009). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cresswell, J. W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Cresswell, J.W. (2005). *Educational Research Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research (2<sup>nd</sup> ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (1996). *How to design and evaluate research in education (3rd Ed.)*. New York: McGraw-Hill.

Gay, L.R. ve Airasian, P. (2000). *Education Research. Competencies for Analysis and Application*. Sixth Edition.

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah*. Selangor: Kamil dan Shakir Sdn.Bhd.

Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2004). *Educational Research Quantitative, Qualitative, and Mixed Approaches*. Boston, MA Allyn and Bacon.

Kerlinger, F.N. (1986) *Foundations of Behavioral Research*. 3rd Edition, Holt, Rinehart and Winston, New York

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Uma Sekaran. (2000). *Research Methods for Business: A skill-building Approach*. Newyork: Willey.





## **BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR**

### **Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran daripada bab ini adalah

- i. membolehkan seseorang pelajar untuk mempelajari kaedah dan kemahiran mencari maklumat,
- ii. membolehkan seseorang pelajar memahami dan berupaya untuk mengimbas sebarang penulisan dengan cekap dengan menggunakan kaedah manual atau berkomputer,
- iii. membolehkan seseorang pelajar mengenal pasti penulisan jurnal, artikel dan dokumen yang berguna dengan penilaian yang bersesuaian bidang secara lebih kritikal
- iv. membolehkan seseorang pelajar memahami dan berupaya untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip analisis yang tidak berat sebelah dan sah untuk mengenal pasti 'subject matter' kajian sebenar.

### **Pengenalan**

#### **Definisi Tinjauan Literatur**

Kajian literatur merupakan bahagian yang penting dalam satu-satu proses penyelidikan dan ianya memberikan sumbangan yang bermakna kepada setiap langkah-langkah operasi penyelidikan yang terlibat (R. Kumar, 2011). Ia merupakan pelaksanaan membuat rujukan secara kritikal dan sistematik dokumen-dokumen yang terkandung segala idea, kaedah pelaksanaan kajian, serta kaedah pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan bidang yang diselidiki. Ianya merupakan sorotan kajian yang lalu dan dilakukan bagi tujuan memastikan penulisan yang ingin dilakukan oleh seseorang penulis belum dilaksanakan oleh penyelidik yang lain.

Ia bukannya ringkasan terhadap sesebuah kajian lain tetapi merupakan cerita ilmiah terhadap permasalahan kajian tertentu yang dilakukan oleh orang lain. Tanpanya, kita tidak dapat memperoleh kefahaman terhadap topik yang ingin kita kaji; apa yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain berkenaannya, bagaimana ia telah dikaji, dan apakah isu utamanya? Kajian Literatur akan mempersiapkan pengkaji dengan kefahaman terhadap teori utama di dalam ruang subjek dan bagaimana ianya diaplikasikan serta dibangunkan, begitu juga dengan kritik utama yang telah dijalankan. Review atau sorotan itu sendiri adalah juzuk penting terhadap pembangunan akademik dan untuk mencapai tahap yang mahir di dalam bidang berkenaan.

### **Kepentingan Tinjauan Literatur**

Berdasarkan Panduan Penyusunan & Penulisan Tesis Dan Disertasi, Kementerian Pendidikan Nasional Universitas Padjadjaran Bandung 2011, meletakkan garis panduan dan penyusunan yang berikut:

### **BAB II KAJIAN PUSTAKA, KERANGKA PEMIKIRAN DAN HIPOTESIS**

Bab ini menyajikan Kajian Pustaka, kerangka Pemikiran dan Hipotesis. Tentang hipotesis, lihat penjelasan pada butir 2.3

Hipotesis. 2.1. Kajian Pustaka • Melakukan kajian kepustakaan yang relevan dengan masalah penelitian. • Pada bagian ini dilakukan kajian/diskusi mengenai konsep dan teori yang digunakan berdasarkan literatur yang tersedia, terutama dari artikel-artikel yang dipublikasikan dalam berbagai jurnal ilmiah. • Kajian pustaka berfungsi membangun konsep atau teori yang menjadi dasar studi.

2.2. Kerangka Pemikiran Pada dasarnya kerangka pemikiran diturunkan dari (beberapa) konsep/teori yang relevan dengan masalah yang diteliti, sehingga memunculkan asumsi-asumsi dan/atau proposisi, yang dapat ditampilkan dalam bentuk bagan alur pemikiran, yang kemudian dapat dirumuskan ke dalam hipotesis operasional atau hipotesis yang dapat diuji.

2.3. Hipotesis Hipotesis adalah pernyataan tentatif tentang hubungan (asosiasi/kausalitas) antara beberapa variabel. Pada penelitian kuantitatif, hipotesis lazim dituliskan dalam sub-bab tersendiri (lihat penjelasan tentang Kerangka Pemikiran).

### **MENGAPAKAH TINJAUAN LITERATUR PENTING DALAM PENULISAN AKADEMIK DI UNIVERSITI?**

Menimbulkan persoalan-persoalan mengenai penulisan

- Boleh menimbulkan persoalan-persoalan yang boleh dimasukkan dalam penulisan
- Boleh timbulkan 5W1H dan menjawabnya dalam penulisan
- Bantu kuasa kehendak topik penulisan

Mewujudkan hipotesis yang perlu dijawab

- Bantu menimbulkan hipotesis yang perlu diuji
- Menilai / menerima / menolak / memberi pandangan tentang apa yang akan kita peroleh
- Bantu meningkatkan pemikiran kritis
- Dapat mendemonstrasikan bahawa kajian ini akan menyumbangkan sesuatu yang baharu

Mengetahui metodologi yang lebih sesuai

- Pemilihan metod yang sesuai
- Pemilihan metod (kaedah)
- Rujukan yang relevan
- Mempelajari kaedah dan teknik yang digunakan oleh penulis terdahulu
- Membuat suatu perhubungan di antara idea-idea, teori-teori dan pengalaman-pengalaman

Membina struktur / rangka penulisan

- Bantu membina satu struktur yang sementara
- Memberikan cadangan untuk merangka tindakan

- Perspektif yang betul membolehkan kajian terhadap masalah dilaksanakan secara teratur
- Ruanglingkup yang bersesuaian - keluasannya dan kedalamannya

Ketahui keberjayaan dan kelemahan penulis lepas

- Mengenalpasti kelemahan yang perlu dielak dan diperbaiki
  - Menambah ilmu dgn melihat daripada perspektif lain atau merujuk kepada idea baru
  - Penelitian ketat dan konsistensi

Ketahui jurang penulisan

- Dapat memudahkan seseorang untuk mencari topik yang kelaian dan menarik daripada penulisan terdahulu
- Dapat membuat banding beza
- Analisis dan sintesis yang mantap dan efektif; atau dengan kata lain, menggunakan idea-idea di dalam literatur untuk menjustifikasikan pendekatan yang berkaitan sahaja terhadap topik

## **Cara Menulisan Tinjauan Literatur**

### **APAKAH TINJAUAN LITERATUR ATAUPUN ULASAN KARYA TERPILIH?**

Bab ini sepatutnya menerangkan gap (jurang) yang boleh diisi oleh kajian. Apakah signifikan dan kelebihan kajian-kajian terdahulu? Apakah kekurangan kajian-kajian terdahulu? Ini perlu diulas.

Dalam penulisan kajian literatur, tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca pengetahuan dan idea yang telah dikembangkan berkaitan topik kajian dan apa kelebihan dan kelemahannya kajian-kajian lain kepada anda.

Satu kajian literatur perlu melakukan perkara-perkara yang dianjurkan yang berkaitan secara langsung dengan tesis atau soalan penyelidikan. Seterusnya membangunkan dan mensintesis keputusan ke dalam ringkasan apa yang ada dan apa yang tidak diketahui.

Di samping itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti bidang kontroversi dalam literatur dan merumuskan soalan-soalan yang perlukan penelitian lanjut.

### **Menulis Kajian Lepas**

Secara umumnya, Tinjauan Literatur dilakukan bagi mencapai beberapa perkara utama seperti berikut: membentuk sebuah kerangka teori untuk topik/bidang penelitian, menjelaskan definisi, kata kunci dan terminologi, menentukan kajian, model dan sebagainya yang mendukung topik, menentukan ruang lingkup kajian dan untuk penelitian tajuk yang lebih tepat.

Apabila melakukan Kajian Literatur, tiga perkara utama perlu diperhalusi, iaitu:

- i. memperhalusi apa yang dikatakan oleh kajian (teori).
- ii. memperhalusi bagaimana kajian dilakukan (metodologi).
- iii. memperhalusi apa yang hilang/kurang, iaitu lompong (ruang kosong) yang ingin diisi oleh kajian.

Langkah-Langkah yang perlu diambil apabila melakukan Tinjauan Literatur;

Langkah 1: Membaca tulisan-tulisan ilmiah yang berkaitan

Langkah 2: Menilai semua tulisan ilmiah yang dibaca

Langkah 3: Buat ringkasan

Langkah 4: Gabungkan menjadi satu cerita ilmiah yang lengkap mengenai suatu masalah kajian berkenaan.

Langkah 1: Membaca Tulisan-Tulisan Ilmiah Yang Berkaitan

Anda perlu mengenalpasti bahan-bahan yang akan diteliti sebagai kajian lepas. Sumber utama yang perlu dicari berdasarkan tulisan-tulisan yang diterbitkan dalam jurnal, laporan penelitian, kajian atau mendapatkan

informasi daripada seseorang yang pakar dalam bidang berkenaan melalui wawancara sama ada secara terus atau melalui mel elektronik.

Analisis akan dilakukan terhadap tulisan-tulisan yang telah dipilih ini akan dilakukan melalui beberapa tahap bacaan ilmiah iaitu;

#### Tahap 1: Melihat Struktur Teks

Setelah menemui sesuatu artikel atau tulisan, anda perlu melihat struktur dan teks berkenaan seperti daftar isi, abstrak, pengenalan, sub topik yang dibincangkan dan keseluruhan tulisan berkenaan sama ada sesuai atau tidak dengan apa yang dicari. Tulisan berkenaan perlu dilihat dari sudut keberkaitan dengan apa yang ingin anda kaji dalam tulisan anda.

#### Tahap 2: Bacaan Secara Terperinci

Apabila tulisan berkenaan sesuai dengan penelitian anda, anda perlu membacanya dengan lebih terperinci untuk mencari penelitian tertentu yang akan mendukung Literature Review anda anda nanti. Teknik ini membolehkan anda untuk mengenalpastikan kesesuaian bahan berkenaan.

Pada peringkat ini, anda perlu membaca sebanyak mungkin bahan bacaan untuk memperolehi sebanyak mungkin maklumat dan pengertian umum mengenai kajian-kajian yang ada di dalam bidang kajian itu. Anda harus objektif apabila melakukan penelitian.

Pada peringkat ini, tujuan membaca adalah untuk memberi penilaian dan kritikan terhadap kajian atau tulisan orang lain yang dipilih. Jadi, anda tidak sepatutnya hanya memilih kajian atau tulisan yang sependapat dengan apa yang anda anggap benar sahaja. Anda sepatutnya membaca semua tulisan

yang berkaitan secara telus walaupun anda tidak bersetuju dengan pendapat atau pengangan penulis tersebut.

### **Panduan Membaca Sumber**

1. Skimming: Proses membaca dokumen objek secara cepat sambil mengambil inti-inti dari setiap perenggan. Proses atau cara ini dapat membantu melakukan penelitian dengan lebih cepat dan menyeluruh.
2. Paragraph Statement (Statement Utama di dalam suatu perenggan): Membantu anda untuk memahami apakah statement utama dalam perenggan berkenaan.
3. Document Statement (Masalah kajian/Tema Penelitian): Statement utama dalam dokumen yang dibaca akan dapat membantu anda memahami tema secara keseluruhan.

### Langkah 2: Menilai Semua Tulisan Ilmiah Yang Dibaca

Semasa menilai sesebuah tulisan yang akan dijadikan rujukan dalam kajian lepas, beberapa perkara perlu diteliti bagi memastikan kesesuaian sumber berkenaan;

### **Autoriti Penulis**

Apabila meneliti tulisan yang ingin dijadikan kajian lepas atau Literature Review, autoriti seseorang penulis juga perlu diambil kira. Anda tidak boleh menjadikan semua tulisan yang ditemui sebagai bahan rujukan tanpa menyemak kredibiliti bahan berkenaan termasuk penulisnya.

Tulisan-tulisan di internet yang anda perolehi tanpa sumber yang boleh dipercayai tidak boleh dijadikan bahan rujukan untuk tulisan ilmiah. Walau bagaimanapun, sekiranya tulisan berkenaan anda perolehi di laman web yang boleh dipercayai yang dibina oleh Jabatan Kerajaan seperti PDRM, Cyber Security, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan,



Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya, statistik atau maklumat berkenaan boleh digunakan.

Anda perlu tahu Siapa yang melakukan penelitian? Apakah pengarang berkenaan merupakan orang yang memiliki autoriti dalam bidang tersebut? Apa bukti yang dapat mendukung hal ini?

### **Tulisan ilmiah berkualiti**

Sumber bacaan yang digunakan juga perlulah terdiri daripada tulisan ilmiah yang berkualiti. Ini bermakna, tulisan-tulisan bersifat popular yang disiarkan untuk bacaan umum seperti di majalah, akhbar dan bahan bacaan popular tidak sesuai untuk dijadikan rujukan dalam kajian ilmiah.

Anda juga boleh mendapatkan sumber rujukan yang terdapat dalam Jurnal elektronik dan database yang disediakan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, anda perlu berhati-hati apabila melakukan carian dalam internet yang menghasilkan laman sawang tidak dapat disahkan kebolehpercayaannya.

Beberapa persoalan perlu dijadikan panduan untuk menentukan kualiti sesebuah tulisan;

1. Dari mana asal tulisan itu? Apakah berasal dari sumber yang valid misalnya institusi pendidikan?
2. Apakah penelitian ini dijadikan rujukan oleh orang lain atau telah diterima oleh badan editorial misalnya. Apakah jurnal tersebut diterbitkan dalam mana-mana jurnal?
3. Jika berasal dari laman sawang (website), apakah memuat informasi pengarang, apakah laman sawang berkenaan adalah dari sebuah institusi pendidikan? Apakah ada tarikh diterbitkan?

**Kebolehpercayaan sumber**

Kebolehpercayaan sumber boleh anda teliti berdasarkan beberapa perkara iaitu;

1. Apa yang dibahaskan oleh kajian itu?
2. Apakah kajian ini diterima dalam bidang ini? Bagaimana anda boleh tahu sekiranya tulisan berkenaan diterima dalam bidang ini? Salah satu cara untuk menjawab persoalan ini adalah dengan melihat apakah penelitian yang sama telah digunakan dalam sumber atau tulisan lain apabila membincangkan topik yang sama, dan adakah sumber rujukan ini telah digunakan secara berterusan dengan sumber yang lain?
3. Apa yang membuatkan tulisan ini dapat dipercayai? Apakah rujukan dalam tulisan ini juga menggunakan sumber rujukan yang boleh dipercayai juga? Sesebuah tulisan yang mempunyai bahan rujukan terhadap sumber yang boleh dipercayai, maka tulisan tersebut secara teorinya boleh dipercayai.

**Objektif**

1. Apakah tulisan berkenaan terdapat bukti yang bias tentang sesuatu hal, contohnya, apakah anda akan percaya apabila tulisan berkenaan menyatakan bahawa asap rokok tidak membahayakan kesihatan?
2. Apakah statistik yang dinyatakan sesuai dengan penerbitan lain? Jika tidak, apakah argumen (metode, rancangan penelitian dll) yang dipakai sebagai pegangan dasar dalam penelitian itu cukup meyakinkan?
3. Apakah data yang dikemukakan itu benar? Adakah sumbernya boleh dipercayai?

**Mutakhir dan Terkini**

Apabila menulis tulisan ilmiah, anda perlu memastikan bahawa sumber rujukan yang digunakan terdiri daripada tulisan yang terkini. Rangkuman tulisan berkenaan sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun terkebelakang. Jika anda menulis pada tahun 2010, bahan rujukan yang digunakan meliputi antara tahun 2000 hingga 2010.

Walau bagaimanapun, terdapat kekecualian terhadap sumber rujukan berkenaan, antaranya;

1. Jika menulis tentang sejarah sesuatu perkara atau rentetan peristiwa
2. Menggunakan rujukan asal yang mencetus kepada sesuatu perkara; contoh teori darwin menjadi asas kepada kajian tentang kejadian alam, merujuk tulisan hikayat-hikayat lama sebagai teks kajian dan sebagainya.
3. Membandingkan perbezaan pendapat antara dua perkara atau tokoh yang berlaku pada zaman yang berbeza seperti mengkaji pendapat Al-Ghazali dan tokoh Islam moden tentang sesuatu perkara, mengkaji pemikiran Mahathir Mohamad dalam Dilema Melayu dan pemikiran masa kini tokoh itu.
4. Dan sebab-sebab lain yang dirasakan relevan.

Jadi, anda perlu meneliti perkara berikut untuk menentukan kekinian sesebuah tulisan;

1. Tahun tulisan tersebut diterbitkan.
2. Apakah mungkin terdapat informasi yang lebih terkini?
3. Apakah anda menemukan tulisan yang lebih baru dan menimbulkan keraguan atau menentang beberapa penemuan sebelumnya?
4. Sudahkah informasi terkini itu anda peroleh dan teliti kandungannya?

### **Cakupan**

1. Apakah informasi yang tersedia sudah lengkap? Berdasarkan penelitian anda sejauh ini, apakah informasi berkenaan telahpun mencakupi bidang yang diteliti?
2. Berapa ukuran sampel? Apakah sampel ini mencukupi?
3. Apakah ada penelitian lebih lanjut yang tidak disebut atau secara sengaja dihilangkan dari penemuan?

### **Langkah 3: Buat ringkasan**

Anda boleh membuat ringkasan tentang sumber bacaan sambil membaca. Catatan berkenaan perlu mengikut perkara berikut;

1. Apakah isi penting, teori, masalah utama yang diangkat dalam tulisan berkenaan?
2. Rangkumkan isi penting yang diajukan pengarang.
3. Catatkan secara terperinci sumber rujukan yang digunakan pengarang ini termasuk halaman yang dirujuk yang anda anggap mungkin berguna dalam Literature Review.
4. Pastikan anda memiliki semua maklumat bibliografi seperti pengarang, tahun terbitan, judul buku, penerbit, halaman dll.
5. Catat bagaimana pengarang menggunakan sumber asal rujukannya. Jika anda meniru atau menyalin kata-kata pengarang asal secara langsung, anda perlu pastikan anda menulisnya dalam tanda petik dan menyebut halamannya. [rujuk bagaimana cara menulis petikan yang betul].
6. Apa tujuan pengarang; baik yang tersurat mahupun tersirat?
7. Apa kesimpulan yang dibuat oleh pengarang? Apa yang disimpulkan atau penemuan dalam kajian ini?
8. Tulis juga pendapat anda tentang bacaan tersebut. Hal ini akan sangat berguna apabila anda melihat semula catatan tersebut atau menggunakannya semasa menulis nanti.

Secara lebih mudah, senarai yang perlu anda catatkan pada bahagian ini adalah seperti berikut;

- i. Penulis
- ii. Tahun
- iii. Judul
- iv. Sumber (Nama Jurnal atau Prosiding)
- v. Tujuan Penelitian
- vi. Hipotesis kajian
- vii. Metode Penelitian, Material, reka bentuk eksperimen yang dijalankan
- viii. Data/Hasil
- ix. Kesimpulan/Diskusi

#### **Langkah 4: Gabungkan menjadi satu cerita ilmiah yang lengkap dalam bentuk tulisan**

##### **Menulis Tinjauan Literatur**

Gunakan rangkuman dan catatan untuk mengidentifikasi hubungan dan kaitan antara pelbagai penelitian yang telah anda lakukan.

Anda seharusnya boleh menentukan:

- a. Persamaan dan perbezaan antara ramai pengarang dan penelitian yang telah mereka lakukan
- b. Penelitian yang mana yang saling menyokong dan menentang?
- c. Apa persoalan utama yang masih belum terjawab?
- d. Arah penelitian yang mungkin boleh dilakukan kajian lebih lanjut?

##### **Merangkum/menggabungkan semua tulisan**

Untuk merangkumkan semua penelitian ini yang akhirnya menjadi kajian lepas atau literature review, anda perlu membuat penggolongan (kategorikan) semua penelitian yang mirip dan boleh digandingkan secara bersama contohnya maklumat yang sama atau berbeza. Salah satu teknik yang sangat berguna untuk diamalkan bagi tujuan ini adalah dengan menggunakan peta minda yang akan menyusun penelitian ke dalam bentuk isi utama dalam setiap tema.

##### **Tips: Menulis Tinjauan Literatur:**

- i. Paraphrasing
- ii. Rujukan/bibliografi
- iii. Citing

**Parafraza (Paraphrasing)**

Parafraza adalah menulis semula apa yang ditulis penulis lain (dengan menggunakan ayat sendiri) tanpa menghilangkan maksudnya. Tulisan ini kelihatan berbeza dengan tulisan asal kerana ayatnya telah diubahsuai, tetapi masih lagi mempunyai maksud yang sama.

Cara ini dapat menghindarkan kita untuk mengutip statement seseorang secara langsung seperti apa yang diungkapkan oleh orang itu. walau bagaimanapun, penulisan yang telah dilakukan parafraza masih lagi memerlukan anda memasukkan sumber rujukan sebagai tanda anda mengiktiraf tulisan asal dan mengelakkan daripada terjebak dalam plagiat.

**Contoh Paraphrasing - one statement**

Dokumen asli: bersumberkan Majlis Keselamatan Jalan Raya, 2010. Maklumat lengkap tidak dinyatakan kerana contoh ini hanya melibatkan cara menulis parafraza sahaja.

Cuai dikenal pasti sebagai penyebab utama kemalangan maut di jalan raya sekali gus menjadi penyumbang kepada peningkatan angka kematian di negeri ini. Lebih membimbangkan, faktor tersebut kebanyakannya berpunca daripada pengguna jalan raya sendiri yang bersikap sambil lewa terhadap aspek keselamatan. Sikap cuai pemandu serta tidak mengambil berat tentang keselamatan serta pematuhan undang-undang jalan raya dikenal pasti sebagai punca utama bilangan nyawa terkorban di negara ini terus meningkat. Kajian mendapati sikap cuai pemandu untuk memandu melebihi had laju serta tidak memberhentikan kenderaan di lampu isyarat merupakan sebab utama berlakunya kemalangan maut di negara kita.

Setelah diparafraza:

Berdasarkan kajian, kemalangan maut yang berlaku di negara ini berpunca daripada kecuaiannya pengguna jalan raya akibat gagal mematuhi aspek keselamatan dan undang-undang. Punca utama kemalangan maut berkenaan adalah memandu melebihi had laju dan tidak memberhentikan kenderaan di lampu isyarat menjadikan jumlah nyawa yang terkorban dalam kemalangan di negara ini terus meningkat (Majlis Keselamatan Jalan Raya, 2010).

### Contoh *Paraphrasing* – *multiple statement*

Dokumen asli 1: Tulisan Zuhayati Yazid, 2006. Maklumat lengkap tidak dinyatakan kerana contoh ini hanya melibatkan cara menulis parafrasa sahaja.

Anak-anak yang tidak mempunyai didikan agama lumrahnya lahir daripada keluarga yang tidak mementingkan agama. Ini terjadi kerana keluarga itu sendiri tidak memahami keperluan agama. Keadaan menjadi lebih buruk apabila ketua keluarga lebih menumpukan perhatian dan menghabiskan tenaga untuk mencari nafkah. Akibat daripada sikap ibu bapa seperti ini, anak-anak akan lebih cenderung dipengaruhi oleh orang sekeliling seperti teman-teman sebaya dan sebagainya

Dokumen asli 2: Fatimah Yusoff, 2008. Maklumat lengkap tidak dinyatakan kerana contoh ini hanya melibatkan cara menulis parafrasa sahaja.

Institusi keluarga penting untuk membantu mengelakkan para remaja dari terjebak dengan gejala sosial. Paling penting perlu dititik beratkan tentang agama. Adanya asas agama yang teguh, remaja tidak akan sewenang-wenangnya terjerumus ke arah perkara yang tidak baik. Dalam hal ini peranan ibu bapa sangat penting sebagai contoh kepada anak-anak

Setelah Parafrasa:

Ibu bapa sangat berperanan dan mempengaruhi kehidupan anak-anak melalui institusi keluarga yang kukuh. Asas agama yang teguh dalam sesebuah keluarga menjadi benteng kepada para remaja agar tidak akan terjebak dalam gejala sosial. Anak-anak yang tidak mempunyai didikan agama kebiasaannya lahir dalam keluarga yang tidak memahami dan mementingkan agama. Ketua keluarga pula sibuk mencari nafkah keluarga sehingga tidak dapat meluangkan lebih banyak masa mendampingi anak remaja. Ini menyebabkan anak-anak akan lebih cenderung dipengaruhi oleh orang sekeliling terutama rakan sebaya (Zuhayati Yazid, 2006; Fatimah Yusoff, 2008).

**Mengutip (Citing)**

Mengutip tulisan atau lebih dikenali sebagai Citing merupakan kegiatan mencantumkan beberapa tulisan yang ditulis oleh penulis lain dalam buku, jurnal, prosiding seminar, internet dan sebagainya, terhadap pernyataan orang lain secara langsung. Pernyataan berkenaan kemudiannya akan diparafrasa mengikut kesesuaian.

Contoh:

Abdullah Mohamad Said (1999) yang memetik maksud dalam Kamus Webster menjelaskan tentang makna alam sekitar sebagai kesemua faktor dan keadaan fizikal, sosial dan kebudayaan yang mempengaruhi kewujudan dan perkembangan organisma. Royston (1980) menjelaskan bahawa alam sekitar terdiri daripada faktor-faktor fizikal, ekonomi, teknologi, politik, sosial dan kebudayaan. Ahli ekologi berpendapat alam sekitar merupakan kesemua keadaan dan pengaruh luaran yang memberi kesan kepada kehidupan dan perkembangan organisma (Abdullah Mohamad Said, 1999).

**Rujukan/bibliografi**

Memasukkan penerbitan yang dijadikan rujukan dalam kajian mengikut cara penulisan yang betul.

Rujukan untuk Buku

Rujukan untuk Makalah dalam Jurnal dan prosiding

Rujukan untuk sumber Internet

**CONTOH TINJAUAN LITERATUR:****CONTOH 1**

**TAJUK KAJIAN PROGRAM PHD UNIVERSITI MALAYA (NORAINI HAMZAH - DOKTOR FALSAFAH (ALAM BINA)**

**“PEMBENTUKAN KERANGKA KUALITI PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK PERUMAHAN DALAM MENGURANGKAN KECACATAN PERUMAHAN TERES BARU SIAP”**

Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:

Seterusnya hasil kajian literatur dibincangkan. Bagi tujuan ini, kajian literatur dipecahkan kepada dua bab iaitu Bab Dua dan Tiga. Bab Dua



membincangkan mengenai masalah kecacatan rumah di Malaysia. Perkara yang dibincangkan adalah keperluan dan kemajuan industri perumahan, kepentingan perumahan berkualiti, senario kecacatan rumah sebagai indikator kualiti dan sistem pengukuran kualiti yang diamalkan. Bab Tiga secara khusus melihat pembinaan kerangka kualiti bagi mengatasi isu kecacatan rumah baru siap. Perbincangan melibatkan kesan pengurusan projek kepada kualiti rumah, fundamental pengurusan projek, evolusi kualiti dalam projek, jenis-jenis projek dan faktor-faktor yang mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti projek.

### **Contoh pembahagian Literatur:**

## 2. SEKTOR PEMBINAAN RUMAH TERES

### 2.1. Pengenalan

### 2.2. Sektor Perumahan

#### 2.2.1. Perkembangan Sektor Perumahan di Malaysia Khususnya Perumahan Teres

#### 2.2.2. Kualiti Sektor Perumahan di Malaysia

### 2.3. Kecacatan Sebagai Indikator Kualiti Pembinaan Rumah Teres Baru Siap

#### 2.3.1. Definisi Kecacatan Fizikal Perumahan Teres Baru Siap

#### 2.3.2. Definisi Kecacatan Melalui Kontrak

#### 2.3.3. Senario Kecacatan Perumahan Baru Siap

#### 2.3.4. Elemen dan jenis Kecacatan

### 2.4. Jejak Laluan Kecacatan- Pengurusan Kecacatan

### 2.5. Pengenalpastian Faktor Penyebab Kecacatan Di Peringkat Pembinaan

#### 2.5.1. Kaedah Pengukuran Kualiti dalam Proses Pembinaan Perumahan

### 2.6. Sistem Pengurusan Kecacatan

### 2.7. Rumusan

## 3. PENGURUSAN KUALITI PROJEK

### 3.1. Pengenalan

### 3.2. Peranan Pengurusan Projek Dalam Industri Pembinaan

### 3.3. Industri pembinaan

#### 3.3.1. Sektor Bangunan Komersil

#### 3.3.2. Sektor Perindustrian

3.3.3. Sektor Perumahan

3.4. Definisi projek

3.5. Asas Pengurusan Projek

3.6. Kualiti Berfokuskan Pelanggan

3.6.1. Definisi Kualiti dalam Pengurusan Projek

3.6.2. Asas Konsep Kualiti

## **CONTOH 2**

**TAJUK KAJIAN PROGRAM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2007 (YEAM KOON PENG- SARJANA SASTERA)**

**“TAHAP PENCAPAIAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN PROSES SAINS DALAM KALANGAN GURU PELATIH”**

**Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pencapaian kemahiran proses sains guru-guru pelatih dan pelaksanaannya dalam pengajaran pembelajaran sains semasa praktikum dengan bimbingan penyeliaan. Bab 2 ini membincangkan teori pembelajaran konstruktivisme, pengetahuan isi kandungan dan pedagogi, pencapaian dan penguasaan kemahiran proses sains dalam kalangan guru pelatih dan terlatih, kepentingan kemahiran proses sains, jenis-jenis ujian untuk menguji kemahiran proses sains, kerangka kajian dan ringkasan bab.

## **BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan

2.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

2.2 Pengetahuan isi kandungan dan pedagogi

2.3 Pencapaian dan penguasaan kemahiran proses sains dalam kalangan guru pelatih dan terlatih

2.4 Kepentingan kemahiran proses sains

2.5 Jenis-jenis ujian untuk menguji kemahiran proses sains

2.6 Kerangka kajian

## 2.7 Ringkasan bab

### **Contoh penulisan Tinjauan Literatur:**

Teori Pembelajaran Konstruktivisme Pembelajaran sains telah dikenalkan oleh John Dewey (1916). Champagne dan Klopfer (1977) membuat ulasan tentang '60 years of Science Education' dan mencadangkan bahawa setiap teori atau amalan yang menekankan pemikiran reflektif dan penyelesaian masalah terhutang budi kepada Dewey. Daripada cara pemikiran inilah timbulnya teori pembelajaran Konstruktivisme. Konstruktivisme merupakan teori pembelajaran yang menganggap bahawa pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda pelajar tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar (Driver et al., 1985). Konstruktivisme menegaskan kepentingan membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru. Perkaitan ini dibina sendiri oleh pelajar. Unsur teori konstruktivisme yang paling penting adalah bahawa seseorang membina pengetahuan secara aktif dengan cara membandingkan maklumat baru dengan pemahamannya yang sedia ada (Taber, 2003; Barker, 2000; Poh, 1997; 16 Bettencourt, 1993; Driver, et al. 1994, Barker, 1991; Driver & Oldham, 1986; Driver et al., 1985). Salah satu model pembelajaran yang menggunakan teori Pembelajaran Konstruktivisme ialah Model Needham Lima Fasa (Needham & Hills, 1987). Model ini mencadangkan lima fasa yang berturutan dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu fasa orientasi idea, fasa pencetusan idea, fasa penstrukturan semula idea, fasa aplikasi idea dan fasa refleksi.

### **CONTOH 3**

#### **TAJUK KAJIAN PROGRAM (SARJANA SAINS (TEKNOLOGI MAKLUMAT) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 2015) NURZAWANI BINTI MOHAMAD ZANI**

#### **“FAKTOR PENENTU NIAT TERHADAP PERKONGSIAN MAKLUMAT MANGSA BANJIR RANTAU PANJANG, KELANTAN DARI PERSPEKTIF TEORI KOGNITIF SOSIAL”**

Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:

Objektif bab ini adalah untuk membincangkan mengenai sorotan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada enam sub topik iaitu: perkongsian maklumat; perkongsian maklumat di dalam pengurusan bencana; kajian lampau berkenaan perkongsian maklumat semasa bencana; teori penentu niat; model kajian dan hipotesis kajian. Bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan bagi bab ini.

## **BAB DUA SOROTAN KAJIAN**

### 2.1 Pengenalan

### 2.2 Perkongsian Maklumat

### 2.3 Perkongsian Maklumat dalam Pengurusan Bencana

#### 2.3.1 Bencana di Malaysia

#### 2.3.2 Jenis Maklumat yang dikongsi Semasa Bencana

### 2.4 Kajian Lampau Berkenaan Perkongsian Maklumat Semasa Bencana

### 2.5 Teori Penentu Niat

#### 2.5.1 Theory Reasoned Action

#### 2.5.2 Theory of Planned Behavior

#### 2.5.3 Teori Kognitif Sosial

### 2.6 Model Kajian

### 2.7 Hipotesis Kajian

### 2.8 Kesimpulan Bab Dua

## **Contoh penulisan LR:**

### 2.2 Perkongsian Maklumat

Perkongsian maklumat adalah sebuah proses di mana individu saling bertukar maklumat dalam usaha untuk menjana maklumat yang baharu (Hoof & Ridder, 2004; Lin, 2007). Proses penukaran maklumat ini bermaksud dua atau lebih individu saling memberi maklumat yang dimiliki di antara satu sama lain (Chiu, Hsu & Wang, 2006). Proses pertukaran maklumat antara individu ini boleh berlaku pada situasi semasa pertukaran maklumat itu terjadi atau boleh juga berlaku pada masa hadapan. Kajian lampau juga mendefinisikan perkongsian maklumat sebagai satu tindakan seseorang individu menyebarkan maklumat yang dimilikinya kepada pihak lain (Ryu, Ho & Han, 2003). Penyebaran maklumat dapat dijelaskan sebagai sebuah proses pemberian maklumat yang berfaedah dari satu pihak kepada pihak yang lain (Liebowitz, 2001). Manakala, He-feng (2009) pula mendefinisikan bahawa perkongsian maklumat boleh difahami sebagai sebuah niat sukarela seseorang individu kepada pihak lain dalam mencapai maklumat yang dimilikinya. niat sukarela dalam berkongsi maklumat ini dilihat sebagai sebuah niat yang ingin membantu individu lain melalui pemberian maklumat yang

dimilikinya tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Organ, 1988). Seterusnya, berdasarkan kepada Hendriks (1999), perkongsian maklumat dapat ditakrifkan sebagai tindakan memberi maklumat kepada individu yang memerlukan maklumat. Ini adalah kerana keperluan maklumat bagi setiap individu adalah berbeza, oleh itu melalui perkongsian maklumat dapat membantu individu untuk memperoleh maklumat pada masa yang dikehendaki agar maklumat tersebut dapat digunakan secara berkesan serta tindakan dan keputusan dapat dicapai (Abdullah, 2000). Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibincangkan, perkongsian maklumat dapat didefinisikan sebagai sebuah aktiviti penyampaian maklumat dari individu kepada individu yang lain; di mana melalui maklumat tersebut, ianya dapat memberi pelbagai faedah seperti dapat menghasilkan sebuah maklumat yang baru serta dapat membantu dalam memenuhi keperluan maklumat seseorang individu.

#### **CONTOH 4**

#### **TAJUK KAJIAN PROGRAM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA PERBANDINGAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DAN TRADISIONAL TERHADAP PRESTASI, ATRIBUSI PENCAPAIAN, KONSEP KENDIRI AKADEMIK DAN HUBUNGAN SOSIAL DALAM PENDIDIKAN PERAKAUNAN SUHAIDA ABDUL KADIR FPP 2002**

Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:

Di dalam Bab ini pengkaji membincangkan latar belakang pendidikan perakaunan di Malaysia dari segi sejarah, kepentingan dan hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Negara. Seterusnya pengkaji menjurus kepada pembelajaran koperatif (PK) yang menjadi fokus kajian. Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan beserta dengan objektif, hipotesis, kerangka kerja konseptual, kepentingan dan batasan kajian. Di akhir bab ini, definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini juga disertakan.

#### **TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN**

Konsep Pembelajaran Koperatif

Teknik-Teknik Pembelajaran Koperatif

Kerangka Teoritikal Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran Koperatif dan Prestasi

Pembelajaran Koperatif dan Atribusi Pencapaian

Pembelajaran Koperatif dan Konsep Kendiri

Pembelajaran Koperatif dan Hubungan Sosial

Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Pembelajaran Koperatif

Rumusan

### **Contoh Penulisan LR:**

Pendidikan perakaunan di Malaysia bermula melalui penubuhan sekolah perdagangan dalam tahun 1 920-an di Pulau Pinang (Gull, 1 983; Sukumaran, 1 984; 1 99 1). Pada awalnya, kursus perdagangan diusahakan oleh organisasi bukan kerajaan seperti pengembang agama Kristian. Pelajar-pelajar mengambil peperiksaan yang dikelolakan dari luar negeri seperti peperiksaan London Chamber of Commerce dan peperiksaan Pitman. Dalam tahun 1 950-an, kerajaan mula mengambil berat tentang pendidikan perdagangan dengan mewujudkan mata pelajaran Accounts and Arithmetic bagi peringkat menengah atas. Berdasarkan Laporan Penyata Razak, bermula tahun 1 958, mata pelajaran tersebut dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran vokasional dengan nama Principles of Accounts. Pada tahun 1 960-an, mata pelajaran Commercial Studies diperkenalkan di peringkat menengah rendah yang kemudiannya dikenali sebagai pengajian perdagangan (Arumugam, 1 986).

### **CONTOH 5**

#### **TAJUK KAJIAN PROGRAM Doktor Falsafah Pendidikan Teknikal dan Vokasional UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA 2017 SITI MARPUAH PENGUASAAN KOMUNIKASI BAHASA ARAB MELALUI KAEDAH AKTIF KOMUNIKATIF DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA**

Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:

Menerusi bab ini, diketengahkan tentang pengenalan Bahasa Arab yang meliputi pengertian bahasa Arab, sejarah perkembangan bahasa Arab di Indonesia khususnya di pesantren, kepentingan menguasai bahasa Arab serta empat kemahiran berbahasa Arab. Selain daripada itu dalam bab ini akan dijelaskan mengenai teori-teori pembelajaran bahasa asing, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa asing dan mengenai pendekatan komunikatif serta yang terakhir merupakan rumusan bab.

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

### 2.1 Pendahuluan

### 2.2 Pengenalan Tentang Bahasa Arab (BA)

#### 2.2.1 Pengertian Tentang Bahasa Arab

#### 2.2.2 Sejarah Perkembangan Bahasa Arab Di Indonesia

#### 2.2.3 Kepentingan Penguasaan Bahasa Arab

#### 2.2.4 Empat Kemahiran Berbahasa Arab

### 2.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

#### Bahasa Asing.

#### 2.3.1 Konsep Strategi Pengajaran dan

#### Pembelajaran Bahasa Asing

#### 2.3.2 Kaedah Pembelajaran Kemahiran Berkomunikasi

#### Bahasa Arab.

#### 2.3.3 Teori – Teori Pembelajaran Bahasa

#### 2.3.4 Prinsip-Prinsip Pembelajaran Bahasa

#### 2.3.5 Proses Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa

#### 2.3.6 Kesan-Kesan Penggunaan Kaedah Terhadap

#### Proses Pembelajaran Bahasa

### 2.4 Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan

#### Pembelajaran Bahasa Arab.

#### 2.4.1 Konsep Pendekatan Komunikatif

#### 2.4.2 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Pendekatan

#### Komunikatif

#### 2.4.3 Model Pengajaran Pendekatan Komunikatif.

### 2.5 Pengenalan Kaedah Aktif Komunikatif (KAK) dalam

#### Pembelajaran Bahasa Arab.

#### 2.5.1 Konsep Kaedah Aktif Komunikatif

#### 2.5.2 Aktiviti-Aktiviti yang Dilakukan dalam KAK

#### 2.5.3 Individu-Individu yang Terlibat dalam

Pelaksanaan KAK

2.5.4 Elemen-Elemen yang Menyokong Pelaksanaan

KAK

2.5.5 Kelebihan dan Kekurangan KAK

2.6 Keberkesanan KAK dalam Membantu

Penguasaan Pertuturan Bahasa Arab

2.7 Kajian Lepas Berkaitan dengan Penguasaan

Pertuturan Bahasa Arab

2.8 Rumusan Bab

### **Contoh Penulisan LR:**

2.1 Pendahuluan.

Menerusi bab ini, diketengahkan tentang pengenalan Bahasa Arab yang meliputi pengertian bahasa Arab, sejarah perkembangan bahasa Arab di Indonesia khususnya di pesantren, kepentingan menguasai bahasa Arab serta empat kemahiran berbahasa Arab. Selain daripada itu dalam bab ini akan dijelaskan mengenai teori-teori pembelajaran bahasa asing, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa asing dan mengenai pendekatan komunikatif serta yang terakhir merupakan rumusan bab. 2.2 Pengenalan tentang Bahasa Arab. Sebelum pengkaji menerangkan lebih jauh mengenai kaedah pembelajaran bahasa Arab, bab ini akan menjelaskan mengenai pengertian bahasa Arab, sejarah perkembangan bahasa Arab yang ada di Indonesia. Selain daripada itu, juga dijelaskan mengenai kepentingan penguasaan bahasa Arab khususnya bagi masyarakat Islam sama ada di Indonesia mahupun negara-negara Islam lainnya seperti Malaysia, Brunei Darussalam dan sebagainya.

2.2.1 Pengertian Tentang Bahasa Arab Bahasa Arab adalah bahasa yang masuk dalam sub-rumpun Semit dari Hamito-Semit atau Afro-Asiatik. Bahasa ini termasuk dalam bahasa klasik yang paling luas penggunaannya di dunia berbanding dengan bahasa-bahasa klasik lainnya, seperti bahasa Latin, bahasa Sanskret, bahasa Ibrani dan bahasa lainnya. Selain itu, bahasa Arab merupakan bahasa al Quran yang dibaca oleh berjuta-juta kaum muslimin di penjuru alam ini, yang kemudian mereka gunakan dalam penulisan mahupun penyelesaian masalah-masalah yang masih berkaitan dengan agama (Hasan Mustofa, 2015). Bahasa Arab terbahagi kepada 2 bentuk bahasa yaitu bahasa Arab Fusha dan bahasa Arab Amiyah. Bahasa Arab Fusha (formal)



atau biasa orang mengatakan dengan bahasa al-Quran kerana penggunaan bahasa Arab fusha harus memakai ilmu tata bahasa Arab (Ilmu Nahu dan Ilmu Sharf) dan yang kedua adalah bahasa Arab Amiyah atau biasa orang sebut dengan istilah bahasa pasaran atau bahasa sehari-hari yang digunakan oleh kaum Arab. Namun perlu diperhatikan bahawa sebenarnya bahasa Arab Amiyah setiap daerah/mantiqoh apalagi berbeza negara (Arab) maka berbeza pula bahasa Arab Amiyah mereka bahkan dialek dalam pertuturan juga ada perbezaannya, misalnya bahasa Amiyah Mesir dengan Jordan jelas berbeza atau Jordan dengan Arab Saudi atau negara Arab lainnya (Abdul Hamid, 2006). i. Bahasa Arab Fusha Bahasa Arab fusha adalah bahasa Al-Quran, bahasa al-Turats al-Araby (kitab-kitab lama Arab) dan bahasa Arab yang dipergunakan untuk aktiviti rasmi formal, bahasa koleksi, sya'ir maupun Nasar dan bahasa yang dipakai pada produk-produk ilmu pengetahuan dan hasil-hasil pemikiran dan pengetahuan. Bahasa Arab fusha merupakan bahasa asal Arab yang dapat difahami oleh seluruh bangsa Arab walaupun ianya berasal dari negara mana sekalipun dan bahasa inilah sebenarnya yg telah menyatukan bangsa-bangsa Arab dan seterusnya menghapuskan kesalahfahaman yang terjadi di antara sesama mereka. Bahasa Arab fusha dapat digunakan untuk bertutur di negara Arab manapun.

## **CONTOH 6**

### **KAJIAN PEMBINAAN LAMAN WEB DAKWAH UNTUK TEKNO DAIE: ANALISIS TERHADAP MODEL PENILAIAN LAMAN WEB DAKWAH DI MALAYSIA MOHAMAD ADIB BIN MOHAMAD SALIH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**Sarjana Sains Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan 2015**

Kajian yang dijalankan ini membincangkan Bab Literatur seperti berikut:

Bab 2 akan menyentuh tentang kajian literatur mengenai definisi dakwah, definisi hubungan dakwah dan teknologi maklumat, kajian dakwah menurut perspektif teknologi maklumat dan kajian terhadap konsep model penilaian laman web bercirikan Islam serta pengenalan model-model teori dakwah bagi melihat setiap aspek pendekatan dakwah yang digunakan dalam model-model tersebut.

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 Pengenalan**

## 2.2 Pandangan Al-Quran Mengenai Dakwah

### 2.2.1 Definisi Dakwah

### 2.2.2 Metodologi Dakwah

### 2.2.3 Dimensi Dakwah

## 2.3 Hubungan Dakwah dengan Teknologi Maklumat

### 2.3.1 Definisi Laman Web Dakwah

#### 2.3.1.1 Laman Web Dakwah 2.3.1.2 Laman Web al-Quran

#### 2.3.1.3 Laman Web Hadis

## 2.4 Aplikasi Perisian Pembangun Laman Web

### 2.4.1 Joomla

### 2.4.2 PHP

### 2.4.3 WordPress

## 2.5 Konsep Model Penilaian Laman Web Dakwah

## 2.6 Model-Model Penilaian Laman Web Dakwah

### 2.6.1 Perbandingan Elemen Pengukuran Kualiti Laman Web Dari Tahun 2001 Hingga 2013

### 2.6.2 Empat Elemen Penilaian Utama laman Web Dakwah

### 2.6.3 Tiga Elemen Penilaian Laman Web Dakwah

#### 2.6.2.1 Kandungan Maklumat Islam

#### 2.6.2.2 Reka bentuk Islam

#### 2.6.2.3 Kredibiliti Penulis

## 2.7 Pengenalan Terhadap Golongan Tekno Daie

### 2.7.1 Kekangan dan Cabaran yang Dihadapi Oleh Tekno Daie

### 2.7.2 Penyelesaian Terhadap Masalah yang Dihadapi oleh Tekno Daie

## 2.8 Garis Panduan Pembinaan Laman Web Dakwah

## 2.9 Kesimpulan

### **Contoh Penulisan LR:**

2.2 Pandangan al-Quran mengenai dakwah Islam merupakan satu nikmat yang diberikan kepada manusia sebagai pedoman panduan hidup. Perjuangan yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. dan para sahabat membolehkan nikmat Islam itu dapat dirasai dan dinikmati sehingga hari ini. Perjuangan dakwah yang ditinggalkan perlulah ditegakkan bagi mencapai nikmat sebenar Islam. Dalam tajuk kajian mengenai definisi dakwah, penyelidik mengetengahkan ayat-ayat al-Quran agar kajian ini berpandukan dalil dan nas-nas utama dalam konteks ilmu dakwah untuk keseluruhan sorotan kajian ini.

### **KESIMPULAN**

Penyelidikan adalah sistematik kerana ia mengikut langkah tertentu yang logik susunannya. Langkah ini ialah: 1. Memahami masalah yang hendak dikaji dan mengenalpasti bidang pengetahuan yang berkaitan 2. Membuat sorotan kajian untuk memahami cara orang lain mendekati atau menguruskan masalah tersebut 3. Mengumpul data secara tersusun dan terkawal supaya dapat mencapai keputusan yang sah 4. Menganalisis data sesuai dengan masalah yang dikaji 5. Membuat kesimpulan dan generalisasi.

Tinjauan Literatur adalah untuk membentangkan kemahiran-kemahiran di dalam pencarian keperpustakaan; untuk menunjukkan penguasaan subjek area dan kefahaman terhadap permasalahan; untuk menjelaskan topik kajian, rekabentuk kajian dan metodologi. Sebagai satu hasil penulisan, tinjauan literatur perlu ditakrifkan oleh konsep membimbing (contohnya, objektif penyelidikan anda, masalah atau isu yang anda sedang bincang, atau tesis yang ditelingkah oleh anda). Ia bukan sahaja senarai deskriptif bahan yang ada atau satu set ringkasan bahkan memperluaskan pengetahuan anda tentang topik.

### **Latihan**

- (1) Apakah teori, konsep dan idea penting?
- (2) Apakah isu yang major dan perdebatan berkenaan topik?
- (3) Apakah sumber permulaan dan definisi topik?
- (4) Apakah soalan utama dan masalah utama yang telah diajukan sehingga saat ini?

- (5) Bagaimana pengetahuan terhadap topik distrukturkan dan disusun?
- (6) Bagaimana pendekatan-pendekatan terhadap persoalan-persoalan ini dapat menambah dan meningkatkan kefahaman dan pengetahuan?
- (7) Apakah kajian literatur anda mampu menentukan pokok perbincangan tertentu, tesis tertentu, masalah atau soalan penyelidikan?
- (8) Apakah jenis kajian literatur yang dijalankan? Apakah isu-isu, teori teori, metodologi, dasar, penyelidikan kuantitatif (contohnya mengenai keberkesanan prosedur baru), penyelidikan kualitatif (contohnya kajian menggunakan teknik wawancara) diulas?
- (9) Apakah skop kajian literatur anda? Apakah jenis penerbitan yang anda gunakan (contohnya, jurnal, buku, dokumen-dokumen kerajaan atau media popular)? Apakah disiplin yang diteliti (contohnya, psikologi kejururawatan, sosiologi, perubatan dan seumpamanya)?
- (10) Adakah telah dicari maklumat dengan cara yang terbaik? Adakah carian telah cukup luas untuk memastikan semua dapatan dan bahan yang relevan diperolehi? Adakah ia cukup rigid untuk mengecualikan bahan tidak relevan? Adakah bilangan sumber literatur telah digunakan sesuai dengan signifikan dan kedalaman kajian?
- (11) Adakah telah dilakukan secara kritikal Tinjauan Literatur? Adakah telah diikuti ulasan melalui satu set konsep dan soalan. Adakah dibandingkan di antara satu literatur dengan yang lain? Adakah ianya hanya satu penyenaian dan merumuskan perkara-perkara penting? Adakah dinilai semua literatur dan dibincangkan kekuatan dan kelemahan? Adakah dipetik dan dibincangkan kajian yang bertentangan dengan perspektif pengkaji? Adakah literatur yang diulas sangat berkaitan dengan kajian, sesuai dan berguna?

## **Rujukan**

R. Kumar, *Research methodology. A step-by-step guide for beginners*, SAGE Publication, third ed., 2011.

*Panduan Penyusunan & Penulisan Tesis Dan Disertasi*, Kementerian Pendidikan Nasional Universitas Padjadjaran Bandung 2011.



## BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

### Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran daripada bab ini adalah

- i. Pengetahuan berkaitan beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian seperti rekabentuk kajian, triangulasi, kajian rintis, statistik deskriptif dan inferensi.
- ii. Pengetahuan tentang kaedah pengumpulan data serta prosedur yang terlibat.
- iii. Kefahaman berkaitan pensampelan serta kaedah yang boleh dipilih bagi melancarkan penyelidikan.
- iv. Kefahaman berkenaan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen serta peranannya dalam penyelidikan.

### Pengenalan

Semua maklumat yang dikumpul bertujuan memenuhi tujuan dan persoalan kajian. Oleh itu, bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, pemilihan lokasi dan peserta kajian, tatacara pengumpulan data dan seterusnya kaedah penganalisan data yang terlibat. Aspek-aspek kebolehpercayaan dan kesahan juga dibincangkan dengan terperinci bagi memastikan segala dapatan yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai.

### Rekabentuk Kajian

Menurut Sulaiman Masri (2003), reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan itu akan dijalankan bagi menemukan jawapan kepada permasalahan kajian seperti yang telah ditetapkan dalam bab pertama. Rekabentuk kajian adalah suatu tatacara pengolahan data yang dikumpulkan secara sistematik terhadap konsep pembinaan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian (Kerlinger, 1970). Rekabentuk kajian adalah cara pengkaji mengendalikan kajian melalui prosedur tertentu tanpa bias bagi menjawab persoalan kajian (McMillan & Schumacher, 1984).

Rekabentuk kajian dan kaedah kajian ditetapkan berdasarkan kepada tujuan kajian yang kemudiannya menentukan hasil kajian. Terdapat dua jenis rekabentuk kajian iaitu rekabentuk kajian eksperimental dan rekabentuk

kajian bukan eksperimental. Rekabentuk kajian eksperimental pula terbahagi kepada dua iaitu rekabentuk kajian eksperimental dan kuasi eksperimental. Rekabentuk kajian eksperimental adalah penyelidikan kuantitatif yang mengkaji kesan terhadap rawatan atau intervensi yang dijalankan. Maka terdapat kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan yang diuji sebelum dan selepas rawatan (*pre and post*). Rekabentuk kajian kuasi eksperimental pula adalah rekabentuk kajian eksperimental yang dilakukan bagi kumpulan yang tidak diagihkan secara rawak.

Terdapat empat jenis rekabentuk kajian bukan eksperimental iaitu kajian tinjauan, kajian korelasi, kajian kes dan kajian etnografi. Rekabentuk kajian tinjauan melibatkan penyelidikan kuantitatif yang mentadbir soal selidik ke atas sampel menggunakan statistik bagi memperihalkan pandangan, sikap, perlakuan dan ciri-ciri populasi. Cara ia dijalankan bergantung kepada tiga jenis tujuan kajian iaitu deskriptif, penjelasan dan penerokaan. Rekabentuk kajian korelasi adalah kajian yang melibatkan penyelidikan kuantitatif yang mengukur darjah perkaitan antara dua atau lebih pembolehubah.

Rekabentuk kajian kes adalah kajian mendalam tentang sesuatu fenomena yang berlaku berdasarkan kepada pandangan subjek kajian. Ia mempunyai ciri-ciri tertentu seperti berfokus, deskriptif dan heuristik. Rekabentuk kajian etnografi pula adalah sama seperti kajian kes namun memerlukan pengkaji berada dalam kelompok sasaran kajian bagi mengkaji secara mendalam sesuatu budaya dan sudah tentu ia melibatkan tempoh masa yang lama.

Kajian tentang nilai misalnya adalah kompleks. Maka kajian seperti ini memerlukan pendekatan berbentuk penerokaan untuk mendapat penjelasan mendalam tentangnya. Oleh itu penyelidikan kualitatif melalui rekabentuk kajian kes menjadi pilihan bagi menghuraikan secara mendalam bagaimana pelajar mengembangkan nilai dalam pembelajaran. Menurut Stake (2006), pengetahuan yang diperoleh daripada penyelidikan kualitatif adalah berbeza berbanding lain-lain bentuk penyelidikan kerana pengetahuannya lebih konkrit, jelas, kontekstual, membangun dan merujuk kepada populasi yang dikaji.

Menurut Creswell (2008), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri bagi memahami masalah dengan menyeluruh melalui pandangan peserta kajian atau informan yang mendalam dalam keadaan latar yang sebenar dan semula jadi. Penyelidikan kualitatif adalah penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan melalui prosedur statistik (Strauss & Corbin, 2008). Oleh itu, realiti sesuatu penyelidikan yang melibatkan individu dalam membina sesuatu keadaan atau situasi yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, perasaan, dan sikap terhadap matematik misalnya dikupas melalui penyelidikan kualitatif (Bogdan & Biklen, 2007).

Rekabentuk kajian secara kajian kes merupakan suatu kajian yang bermatlamat meneroka secara terperinci sesuatu keadaan atau fenomena yang ingin dikaji (Merriam, 2009). Ini bersesuaian dengan hasrat dan matlamat kajian ini untuk menjawab persoalan seperti 'apakah imej matematik yang dimiliki oleh pelajar?', 'Apakah nilai yang dimiliki oleh pelajar dalam pembelajaran matematik?' dan 'Apakah pandangan pensyarah tentang nilai dalam pengajaran matematik?' dengan bukti yang nyata boleh diteroka dengan mendalam melalui pendekatan ini.

Secara umumnya, rekabentuk kajian ini dibangunkan adalah untuk mengkaji pengalaman yang dilalui sendiri oleh peserta kajian yang beroperasi dalam situasi yang sebenar. Tambahan pula, penyelidikan kualitatif ini memberikan peluang kepada pengkaji melaksanakan pengumpulan data yang terperinci dan mendalam menerusi pelbagai teknik pengumpulan data seperti analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian.

Penyelidikan kualitatif ini juga merupakan satu kajian bukan berbentuk empirikal berdasarkan prosedur-prosedur yang sistematik dan saintifik bagi menyiasat fenomena-fenomena semasa dalam pelbagai konteks kehidupan yang sebenar. Ia juga mampu memberikan lebih pengetahuan dan memahami sesuatu fenomena yang kompleks (Yin, 2009) melalui kemunculan konsep-konsep atau tema yang lebih daripada yang telah ditetapkan dalam kajian.

Ciri-ciri dan kelebihan yang telah disenaraikan ternyata memperlihatkan kepada pengkaji bahawa kaedah penyelidikan kualitatif adalah bertepatan dengan tujuan kajian ini iaitu untuk memahami fenomena sebenar nilai yang dimiliki oleh pelajar dalam pembelajaran matematik. Kajian tidak menekankan atau memberikan fokus terhadap dapatan secara statistik atau menguji sesuatu hipotesis atau mengeneralisasikan dapatan kajian. Namun, apa yang diharapkan berlaku adalah kefahaman yang dibina berdasarkan pengalaman peserta kajian itu sendiri dan interpretasi pengkaji dalam memberi justifikasi yang boleh diterima bagi menghuraikan permasalahan kajian.

Matlamat penyelidikan kualitatif bukanlah untuk membuat generalisasi sebaliknya memilih individu atau latar yang boleh mewakili kepelbagaian pengalaman (Patton, 2002) terhadap nilai dalam pembelajaran misalnya yang menjadi fokus kajian. Reka bentuk kajian ini sesuai digunakan apabila fokus kajian adalah terhadap proses kerana ia memberi gambaran sebenar nilai yang dimiliki dan wujud dalam pembelajaran matematik. Ia melibatkan pengembangan tentang situasi atau fenomena iaitu penerokaan secara lebih mendalam tentang nilai melalui kajian ini.



Kajian ini melibatkan aktiviti meneroka, membuat penemuan dan interpretasi (Miles & Huberman, 1994) secara khususnya bagi meneroka nilai dalam pembelajaran. Reka bentuk kajian secara kajian kes adalah layak digunakan kerana ia membenarkan pengkaji menggunakan pelbagai kaedah triangulasi dan seterusnya meningkatkan kebolehpercayaan kajian (Strauss & Corbin, 2008; Yin, 2009).

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Setiap satu cara mengumpul data kajian diterangkan dan adalah lebih baik lebih daripada satu cara digunakan supaya pengkaji boleh membuat triangulasi. Setiap satu cara mengumpul data ini diterangkan dengan terperinci bagaimana untuk mendapatkan data sambil merujuk kepada objektif dan masalah kajian.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Pengkaji membahagikan proses pengumpulan data kepada dua fasa. Fasa pertama adalah melibatkan proses awal di lapangan dan fasa kedua merupakan proses kajian sebenar yang melibatkan aktiviti pemungutan data.

### **Prosedur Pengumpulan Data Fasa Pertama**

Beberapa perkara perlu dilakukan sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dilakukan dengan memohon kebenaran dan persetujuan daripada pihak berkenaan. Misalnya dalam penyelidikan kualitatif, perancangan kerja, persediaan peralatan, pemurnian protokol temu bual dan pemerhatian dilakukan dalam fasa pertama ini. Aktiviti dalam fasa ini memberikan panduan kepada pengkaji untuk menjalankan tatacara kajian sebenar, membiasakan diri dengan proses penyelidikan kualitatif, membina hubungan dengan peserta kajian yang terpilih dan seterusnya membiasakan diri dengan suasana di lokasi kejadian. Hubungan baik yang terbina antara pengkaji dan peserta kajian memudahkan pengkaji untuk berinteraksi dan seterusnya melakukan proses pengumpulan data.

### **Memohon Kebenaran**

Memohon kebenaran daripada pihak berkenaan merupakan langkah pertama dalam kajian. Sebaik sahaja kebenaran diperoleh, tindakan seterusnya adalah menunggu kebenaran menjalankan penyelidikan daripada pihak berkenaan yang kemudiannya memberikan arahan kepada pihak tertentu dan seterusnya kepada responden atau peserta kajian. Surat

permohonan kebenaran sebagai peserta kajian kemudiannya disediakan oleh pengkaji dan dikemukakan kepada peserta kajian yang terlibat.

### **Perancangan Kerja**

Perancangan kerja perlu dilakukan dengan jadual rancangan kerja yang teratur agar pelaksanaan kajian sebenar berjalan dengan lancar. Perancangan kerja dilakukan dengan persetujuan setiap peserta kajian dengan cara menyesuaikan jadual waktu mereka dengan jadual rancangan kerja kajian agar tidak berlaku sebarang pertindihan waktu.

### **Persediaan Peralatan**

Bagi penyelidikan kualitatif, pengkaji memerlukan peralatan rakaman audio dan video bagi merekodkan pemerhatian dan temu bual. Oleh itu setiap peralatan yang digunakan diterokai cara penggunaannya. Ini bagi memastikan pengkaji mahir dan mengetahui selok-belok mengendalikan peralatan rakaman bagi memudahkan proses merekodkan data semasa kajian sebenar dilakukan. Peralatan yang digunakan adalah alat perakam suara (MP3) dan kamera video (*handycam*). Kajian awalan di lokasi kajian perlu dilakukan bagi membiasakan pengkaji dan peserta kajian dengan peralatan rakaman yang digunakan. Ini mewujudkan suasana semula jadi kepada peserta kajian sewaktu proses rakaman berlangsung nanti.

Kebenaran menggunakan peralatan rakaman diperlukan daripada peserta kajian untuk mengelakkan ketidakselesaan mereka semasa sesi temu bual dan pemerhatian. Catatan lapangan boleh menggantikan peralatan rakaman jika sekiranya peserta kajian keberatan membenarkan suara dan aksi mereka dirakamkan oleh pengkaji. Peralatan rakaman audio dan video sebenarnya membantu proses pemungutan data kerana hasil pemerhatian dan temu bual dapat didengar dan dilihat berulang kali.

### **Memurnikan Protokol Temu Bual dan Pemerhatian**

Pemerhatian dan temu bual awal perlu dilakukan bagi mengesan kelemahan protokol dan masalah-masalah lain yang mungkin berlaku ketika kajian sebenar berlangsung. Selain daripada peluang membiasakan diri dengan alat ukur yang digunakan, pengkaji juga boleh menilai dan memurnikan protokol tersebut agar mantap dan mencakupi semua aspek serta menambahkan elemen-elemen lain yang boleh membantu menambahbaik kajian. Hubungan awal yang terbina antara pengkaji dan peserta kajian semasa pemerhatian dan temu bual awal yang dilakukan membantu melancarkan perjalanan kajian sebenar.

## **Prosedur Pengumpulan Data Fasa Kedua (Peringkat Kajian Sebenar)**

Fasa kedua ini dikenali juga sebagai peringkat kajian sebenar yang menjadi lebih mudah setelah kajian pada fasa pertama dilakukan. Fasa kedua ini memerlukan peserta kajian menandatangani surat pengakuan yang merupakan persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) sebagai syarat yang terdapat dalam etika penyelidikan. Ini dilakukan bertujuan mengelakkan timbulnya isu paksaan, penipuan, tekanan dan sebarang bentuk pengaruh luaran.

Surat pengakuan ini juga mampu melindungi pengkaji sekiranya berlaku sebarang masalah yang melibatkan undang-undang (Othman Lebar, 2007). Peserta kajian kemudiannya diminta mengisi borang maklumat diri untuk membantu memberikan sedikit gambaran latar belakang peserta kajian.

### **Tatacara Pengumpulan Data**

Penerokaan secara intensif untuk memahami beberapa aspek yang dikaji bagi memenuhi objektif kajian memerlukan penglibatan pengkaji sepenuhnya. Dalam kajian berbentuk kualitatif, maklumat diperolehi secara langsung oleh pengkaji daripada peserta kajian dan bukannya melalui inventori, soal selidik ataupun mesin (Crouch & Pearce, 2012). Peranan pengkaji sebagai instrumen utama dalam kajian berbentuk kajian kes ini menurut Merriam (2001, 2009), merupakan antara ciri penting kajian yang berbentuk kualitatif.

Pengkaji bukan sahaja bertanggungjawab mengumpul maklumat yang sesuai malah memilih dan mentafsir sendiri makna daripada data dalam bentuk perkataan dan tindakan manusia. Bersesuaian dengan paradigma kualitatif, instrumentasi berkembang bersama data yang dilakukan secara induktif. Menurut Othman Lebar (2007), pengkaji perlu merancang strategi yang berkesan bagi memaksimumkan pengumpulan maklumat yang bermakna. Semakan semula bersama responden untuk ketepatan transkripsi dan maklum balas di luar jangkaan yang diperolehi sepanjang aktiviti penerokaan juga memerlukan penglibatan intensif pengkaji dalam kajian ini.

Walau bagaimanapun, faktor ketidakadilan atau berat sebelah dalam diri pengkaji sebagai manusia biasa yang tidak terlepas daripada membuat kesilapan sedikit sebanyak memberi kesan kepada dapatan kajian. Oleh itu adalah penting bagi pengkaji mengenal pasti dan mengawal kelemahan ini semasa proses pengumpulan dan analisis data dilaksanakan. Justeru, pengkaji perlu peka atau bersikap sensitif terhadap isu-isu berkaitan etika

termasuklah latar fizikal, manusia, agenda yang tersurat mahupun yang tersirat serta perlakuan-perlakuan bukan lisan.

Pengkaji harus bersifat terbuka terhadap apa yang berlaku bagi memastikan data yang dikumpul tepat dan benar. Menurut Gagne (1985), pengkaji sebagai instrumen utama perlu responsif kepada konteksnya, boleh menyesuaikan teknik dengan situasi atau konteks, boleh menganalisis data dengan segera serta boleh membuat kesimpulan semasa kajian berlangsung.

### **Transkripsi**

Menurut Creswell (2008), transkripsi merupakan proses memindahkan data dalam bentuk audio dan video atau catatan lapangan ke dalam bentuk teks yang bertaip. Analisis data berbentuk kualitatif seperti dalam kajian ini hanya boleh dilakukan selepas transkripsi dilakukan. Data dalam bentuk verbatim pengajaran hasil pemerhatian melalui alat rakaman audio dan video mengandungi dialog antara pensyarah dan pelajar.

Verbatim temu bual pula adalah rakaman antara pengkaji dengan peserta kajian melalui proses temu bual yang dijalankan. Proses menyediakan transkripsi dilakukan dengan bantuan program *Digital Voice Editor-2*. Setiap transkrip mempunyai satu perenggan yang mengandungi nama peserta kajian (nama samaran), kelas, bilangan pemerhatian/temu bual, tarikh, tempoh pemerhatian/temu bual dan tajuk pengajaran sebagai indeks bagi tujuan jejak audit. Transkrip dinyatakan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga lajur iaitu pengkaji/pelajar, perkara yang hendak dicatatkan dan ulasan.

### **Tatacara Penganalisan Data**


Kajian yang melibatkan pengumpulan data kualitatif memerlukan proses analisis data dilakukan dengan lebih komprehensif melibatkan data utama iaitu analisis dokumen diikuti hasil temu bual dan pemerhatian. Analisis data kualitatif merupakan proses yang kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep yang abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif, antara deskripsi dan interpretasi (Merriam, 2009).

Menurut Othman Lebar (2007), proses analisis data kualitatif merupakan proses yang berterusan melibatkan pemeriksaan makna ke atas setiap kata-kata dan tindakan manusia. Makna yang diberikan meliputi cantuman pelbagai data, pengelasan data mengikut kategori tema yang sesuai dan seterusnya interpretasi tentang apa yang manusia kata diselarikan pemerhatian dan pembacaan oleh pengkaji.

Semua data disusun dalam bentuk teks dan laporan akhir. Merriam (2009) menyatakan bahawa teknik penganalisan data perlu dilakukan selari

dengan pengumpulan data. Oleh itu, proses penganalisan data dilakukan sejak daripada peringkat awal lagi iaitu bermula dengan analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual pertama dan berterusan hingga akhir proses bagi mencapai ketepuan maklumat yang memenuhi objektif kajian. Proses penganalisan melibatkan transkripsi data verbatim, reduksi atau penyaringan data, pembinaan kategori dan paparan hasil (Miles & Huberman, 1994). Ringkasan proses penganalisan data ditunjukkan pada Rajah 3.1.

Dalam kajian ini, pengkaji memulakan proses penganalisan dengan pemerhatian pertama berserta catatan bagi tumpuan selanjutnya. Peringkat ini sangat penting bagi menjamin kelancaran proses penganalisan data. Peringkat kedua proses penganalisan melibatkan tiga peringkat iaitu pengurusan data, reduksi dan penghasilan kategori (Miles & Huberman, 1994).



Rajah 0.1 Proses Penganalisan Data (Sumber: Miles dan Huberman, 1994)

Pada peringkat pengurusan data, pengkaji menyediakan buku log bagi mencatatkan segala aktiviti semasa mengumpul dan mengindeks data. Data bagi setiap peserta kajian disatukan dalam satu fail (*folder*) bagi memudahkan proses rujukan data. Proses transkripsi diikuti penyimpanan data yang sistematik sebelum dipindahkan ke dalam perisian *Atlas.Ti* dilakukan kemudian. Catatan memo dilakukan bertujuan untuk membuat refleksi tentang isu yang timbul semasa proses penganalisan dengan fokus kajian, teori dan metodologi kajian (Merriam, 2009).

Proses reduksi data dalam langkah kedua adalah proses pengkodan apabila data diasingkan sebelum diinterpretasikan secara bermakna dengan pembinaan kategori. Data dibaca dengan teliti serta berulang kali bagi

mengenal pasti kategori yang bersesuaian. Setiap ayat yang dikodkan merupakan satu unit analisis yang diberikan nama kategori dan definisi. Perisian *Atlas.Ti* digunakan bagi memudahkan penganalisisan dilakukan. Temu bual masih terus dijalankan walaupun analisis awal sedang dilakukan. Catatan yang diambil perlu diketengahkan dengan disoal kemudiannya dalam sesi temu bual bagi mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan.

### **Analisis Data (Pembentukan Kategori)**

Pembentukan kategori dilakukan sepanjang proses pemerhatian ke atas peserta kajian melalui lima langkah yang melibatkan data hasil imej, temu bual, dan pemerhatian. Sebagai contoh, langkah pertama dalam kajian terhadap imej matematik adalah analisis ke atas imej matematik yang dilukis dengan mengenalpasti sesuatu kategori. Pengecaman sesuatu jenis imej sebagai langkah kedua ditentukan melalui aktiviti '*pattern matching*' iaitu pengkodan gambar atau imej merujuk kepada kategori sedia ada (Yin, 2009).

Langkah ketiga melibatkan pembentukan kategori baru yang tidak sesuai dengan kategori sedia ada. Langkah keempat adalah proses pembacaan berulang kali bagi mengenal pasti ayat-ayat yang mewakili kategori sedia ada atau membina kategori baru jika sekiranya ada. Kategori yang dibentuk menggunakan perkataan yang timbul daripada data, idea sendiri pengkaji, idea hasil penjelasan daripada peserta kajian dan perkataan berdasarkan kajian kepustakaan (Zanaton Iksan, 2016). Keseluruhan proses pembentukan kategori juga dilakukan dengan menggunakan perisian *Atlas.Ti*. Perbincangan atau *peer review* dengan penyelia, rakan sekepakaran dan pakar bidang dilakukan bagi memurnikan semua perkataan yang terhasil daripada proses pembentukan kategori tersebut.

Analisis merentas atau silang kes (*cross analysis*) bertumpu kepada perbandingan kategori-kategori tertentu melalui analisis dokumen yang dilakukan dan tema yang wujud daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan. Analisis antara kes atau *within case analysis* dilakukan apabila beberapa orang peserta kajian memberikan jawapan berdasarkan tema yang wujud dibincangkan.

### **Populasi Kajian**

Populasi merupakan kumpulan besar yang memiliki ciri-ciri yang menepati sasaran kajian. Misalnya pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia, usahawan berjaya di Selangor dan sebagainya. Adalah mustahil jika sekiranya seorang pengkaji memilih semua subjek dalam populasi untuk teribat dalam kajian kerana bilangannya yang terlalu ramai. Ini memerlukan jangka masa kajian yang lama, kos yang tinggi serta guna tenaga ramai orang untuk mengumpulkan data daripada sumber yang besar bilangannya.

Maka ambil sebahagian daripada yang besar ini menjadi suatu keperluan dalam kajian bagi menjimatkan kos, masa dan tenaga. Pemilihan sebahagian kecil daripada sekumpulan besar kumpulan sasaran ini dikenali sebagai pensampelan dan kumpulan kecil yang terlibat dalam pemilihan ini pula dipanggil sebagai sampel kajian.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian adalah kumpulan kecil yang dipilih daripada populasi yang telah ditentukan dalam kajian. Ia memiliki ciri-ciri yang telah ditentukan oleh pengkaji berdasarkan kepada tujuan kajian perlu dikenalpasti sebelum suatu kajian itu dijalankan. Sampel kajian yang dipilih perlu benar-benar mewakili populasi agar boleh dilakukan generalisasi terhadap dapatan kajian. Saiz sampel kajian dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah jenis populasi, jenis sampel, had perbelanjaan dan skala pengukuran.

Borg dan Gall (1975) mencadangkan sampel kajian yang besar diperlukan bagi kajian yang melibatkan banyak pembolehubah dan jika wujud perbezaan atau hubungan antara pembolehubah-pembolehubah ini. Saiz sampel yang besar juga perlu bagi data yang berskala pengukuran berbentuk interval dan nisbah. Kebolehpercayaan instrumen dalam mengukur pembolehubah yang dikaji boleh dipertingkatkan dengan bertambahnya saiz sampel yang terlibat dalam kajian.

Terdapat formula khusus bagi mendapatkan saiz sampel yang sebenar berdasarkan kepada aras keyakinan kajian. Namun terdapat jadual tertentu yang memudahkan pengkaji menentukan saiz sampel kajian masing-masing. Jadual Cohen, Manion dan Morrison (2001) dan Jadual Kerjcie dan Morgan (1970) merupakan dua jadual popular yang dirujuk oleh ramai pengkaji di luar sana.

### **Jadual 3.1: Jadual Penentuan Saiz Sampel Kerjcie dan Morgan (1970)**

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	100000	384

**Jadual 3.2: Jadual Penentu Saiz Sampel Cohen, Manion dan Morrison (2001)**

Saiz Populasi	Ralat Pensampelan 5% & Aras Kebolehpercayaan 95% (Aras Kesignifikan = .05)	Ralat Pensampelan 1% & Aras Kebolehpercayaan 99% (Aras Kesignifikan = .01)
	Saiz Sampel	Saiz Sampel
50	44	50
100	79	99
200	132	196
500	217	476
1,000	278	907
2,000	322	1,661
5,000	357	3,311
10,000	370	4,950
20,000	377	6,578
50,000	381	8,195
100,000	383	8,926
1,000,000	384	9,706

Kajian bagi meneroka proses pengembangan nilai yang berlaku semasa pembelajaran misalnya menetapkan sasaran kajian dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kaedah kajian kualitatif ini memerlukan pemilihan peserta kajian secara bertujuan (Creswell, 2008) berdasarkan keperluan memenuhi persoalan kajian selain daripada kesediaan peserta untuk ditemu bual. Kriteria ini amat perlu demi memastikan bahawa peserta kajian berupaya memberikan data yang kaya dan mendalam.



Menurut Miles dan Huberman (1994), pemilihan peserta kajian perlu dihadkan oleh pengkaji ekoran kekangan masa, kebenaran mengakses ke lokasi kajian dan keupayaan peserta kajian memberikan maklumat terperinci bagi menjawab persoalan kajian. Pemilihan peserta kajian secara bertujuan ini menurut Strauss dan Corbin (2008) berupaya membantu pengkaji mengakses peserta di lokasi kajian dengan lebih mudah bagi memperoleh maklumat yang dikehendaki.

Banyak persoalan yang timbul; berapa banyak sampel yang perlu kita gunakan, perlukan saiz sampel yang besar kah untuk mendapatkan signifikan, bagaimana menentukan saiz sampel, cara apa dan juga betulkah sampel yang kita gunakan itu menepati ciri-ciri populasi kajian Saiz sampel bagi kajian dengan pendekatan kuantitatif boleh ditentukan dengan menggunakan prosedur pengiraan yang tertentu dengan mengambil kira ralat persampelan, aras signifikan dan juga aras keyakinan dan selalunya kita memilih menggunakan ralat persampelan 5%, (aras signifikan ( $\alpha$ ) ialah 0.05) dengan aras keyakinan (*level of confidence*) 95%.

Situasi yang menyenangkan selain daripada penerangan tentang tujuan kajian secara jelas serta jaminan kerahsiaan maklumat menggalakkan penglibatan peserta untuk terlibat dalam kajian yang dilakukan. Surat pengesahan persetujuan sebagai peserta kajian perlu disediakan dan ditandatangani sebagai bukti kerjasama dan kesediaan untuk terlibat dalam kajian yang melibatkan temubual. Menurut Patton (2002), kesediaan dan kerjasama yang diperoleh membantu kajian penerokaan dilaksanakan dengan lebih mendalam demi memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian.

Menurut Merriam (2009), tiada penetapan khusus terhadap bilangan peserta bagi kajian berbentuk kualitatif. Bilangan yang kecil sudah memadai jika sekiranya maklumat yang diperoleh mencukupi dan menghuraikan sesuatu fenomena itu dengan mendalam dan terperinci (Creswell, 2008).

Kajian kualitatif adalah bersifat kompleks dan memerlukan proses pengumpulan dan penganalisan data yang cukup rumit (Patton, 2002) tetapi mendalam. Maka pemilihan peserta kajian dalam bilangan yang kecil membolehkan penerokaan dilakukan dengan lebih berkesan dan terperinci. Maklumat yang terperinci yang diperoleh secara berulang-ulang sehingga mencapai tahap ketepuan maklumat (Zanaton Iksan, 2016) daripada peserta kajian dikumpulkan dalam kajian. Oleh itu bilangan peserta yang sedikit adalah mencukupi oleh sebab fokus utama kajian adalah untuk mendapatkan dapatan yang holistik dan bermakna.

### **Pemilihan Lokasi Kajian**

Lokasi atau tempat di mana kajian dilakukan perlu dinyatakan dalam bahagian ini. Alasan atau justifikasi pemilihan perlu diterangkan dengan terperinci. Alasan kenapa lokasi ini menjadi pilihan pengkaji sedangkan banyak lagi lokasi sedia ada yang mungkin lebih berpotensi untuk dipilih. Justifikasi ini perlu disokong oleh kajian-kajian lepas. Mungkin berdasarkan kajian lepas, banyak kajian dilakukan di pantai barat semenanjung Malaysia contohnya. Jadi kajian ini memilih pantai timur semenanjung Malaysia disebabkan oleh kerana pengkaji perlu mengetahui corak hasil dapatan di lokasi yang berbeza pula. Kenyataan ini disokong oleh beberapa kajian lepas yang mencadangkan agar kajian pada masa akan datang dilakukan di lokasi yang lain bagi melihat perbandingan hasil kajian.

Pengkaji tidak boleh sekali-kali menyatakan pemilihan lokasi dibuat atas sebab ianya berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Jika benar sekalipun, ia perlu dielakkan daripada alasan sebegini kerana ia boleh mewujudkan bias dalam kajian. Sebagai contoh, sebuah institusi pengajian tinggi di Selangor yang memiliki matlamat institusi yang jelas untuk melahirkan insan yang menghayati nilai-nilai Islam dipilih bersesuaian dengan kajian yang mengkaji pengembangan nilai dalam pembelajaran.

Institusi ini berharap agar fitrah seorang insan dapat dizahirkan melalui konsep adab dan ta'dib yang diperjuangkan. Matlamat institusi ini selari dengan konsep adab yang cuba diteroka dalam kajian ini sebagai asas kepada pengembangan nilai dalam pembelajaran. Perspektif Bersepadu Sejagat yang mendasari kajian ini menumpukan kepada al-Quran sebagai sumber rujukan mutlak manusia selain daripada fitrah insan dalam domain metafizik yang cuba diteroka. Lokasi kajian yang dipilih jelas menyokong perspektif yang mendasari kajian ini.

Oleh itu institusi pengajian tinggi ini dipilih sebagai lokasi kajian agar mendasari persoalan kajian selain menepati ciri-ciri dan keperluan kajian. Menurut Bogdan dan Biklen (2007), lokasi kajian harus dipilih berdasarkan kemudahan kepada pengkaji untuk turut serta dalam kajian. Minat dan kerjasama daripada peserta kajian juga perlu diberi perhatian dalam pemilihan lokasi kajian. Kesimpulannya, institusi pengajian tinggi ini dipilih sebagai lokasi kajian berdasarkan faktor latar semula jadi pendidikan yang mendasari persoalan kajian selain daripada kerjasama baik yang diterima daripada pelajar, pensyarah dan pentadbir sendiri sebagai peserta kajian.

### **Kaedah Persampelan**

Pensampelan adalah proses memilih sebahagian subjek daripada populasi untuk menjadi responden kepada kajian yang dilakukan. Pensampelan

adalah penting kerana ia menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil kajian. Pensampelan perlu dilakukan kerana ia dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga. Terdapat dua jenis kaedah pensampelan iaitu pensampelan berkebarangkalian dan pensampelan tanpa kebarangkalian.

### **Pensampelan Berkebarangkalian**

Pensampelan berkebarangkalian adalah kaedah yang membolehkan setiap ahli dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih terlibat sebagai sampel kajian. Oleh itu setiap ahli dalam populasi dipilih secara rawak tanpa ada bias dan hasil kajian dapat digeneralisasi terhadap populasi. Jadi sampel yang dipilih perlu benar-benar mewakili populasi.

Terdapat empat jenis kaedah pensampelan berkebarangkalian iaitu pensampelan rawak mudah, pensampelan rawak bersistematik, pensampelan rawak berstrata dan pensampelan rawak secara kluster.

### **Pensampelan Rawak Mudah**

Kaedah pensampelan ini membenarkan setiap orang dalam populasi memiliki potensi yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Pengkaji yang memilih kaedah pensampelan ini perlu menyediakan senarai semua subjek populasi dan melabelkan setiap daripada mereka lalu pemilihan melalui cabutan daripada kotak secara rawak atau menggunakan jadual rawak dilakukan. Dapatan daripada hasil kajian ini boleh digeneralisasi namun ia mengambil masa yang lama dan tidak efisien untuk populasi yang tidak seragam.

### **Pensampelan Rawak Bersistematik**

Berbanding pensampelan rawak mudah, pensampelan rawak bersistematik lebih kerap digunakan. Selepas saiz sampel ditentukan, setiap bilangan ke k akan dipilih dan k ditentukan oleh saiz populasi dibahagi dengan saiz sampel. Kaedah ini lebih tersusun dan mudah jika sekiranya pengkaji mempunyai senarai populasi yang mengikut aturan namun kemungkinan berlaku bias sistematik adalah tidak dapat dielakkan.

### **Pensampelan Rawak Berstrata**

Kaedah pensampelan berstrata adalah kaedah pensampelan berkebarangkalian yang berupaya meminimumkan ralat pensampelan. Stratum merupakan subset kepada populasi yang memiliki paling kurang satu ciri umum populasi tersebut. Pengkaji perlu mengenalpasti stratum yang relevan dengan kajian dan pemilihan secara rawak dilakukan ke atas setiap stratum ini. Terdapat dua jenis kaedah pemilihan iaitu mengikut nisbah atau tidak mengikut nisbah. Kaedah pensampelan ini sesuai digunakan bagi

populasi yang tertabur secara tidak seragam dan berada dalam kelasnya sendiri.

### **Pensampelan Rawak Berkluster**

Kaedah pensampelan ini sesuai bagi populasi yang mempunyai subjek yang sememangnya berada dalam kelompoknya sendiri dan sukar dipisahkan oleh kerana faktor geografi dan sebagainya. Kaedah ini lebih praktikal berbanding kaedah pensampelan lain namun kurang boleh dipercayai dapataannya yang berada dalam budayanya tersendiri.

### **Pensampelan Bukan Berkebarangkalian**

Pensampelan bukan berkebarangkalian adalah kaedah yang tidak memungkinkan setiap ahli dalam populasi mempunyai potensi yang sama untuk dipilih dan terlibat sebagai sampel kajian. Oleh itu setiap ahli dalam populasi tidak dipilih secara rawak dan kemungkinan wujud bias malah hasil kajian juga tidak dapat digeneralisasi terhadap populasi. Sampel yang dipilih tidak benar-benar mewakili populasi. Terdapat beberapa jenis pensampelan tidak berkebarangkalian iaitu pensampelan mudah, pensampelan bertujuan, pensampelan berkuota dan pensampelan bola salji.

### **Pensampelan Mudah**

Sesuai dengan namanya, kaedah pensampelan bukan berkebarangkalian ini melibatkan pemilihan sampel yang memudahkan pengkaji. Ia biasanya digunakan ketika melakukan kajian rintis agar mudah, cepat dan menjimatkan kos. Sampel dipilih kerana ia mudah diakses namun keterlibatan peserta kajian adalah secara sukarela. Kelebihannya adalah mudah, cepat dan rendah kos namun kelemahannya adalah ia mungkin berlaku bias dan sudah tentu hasil kajian tidak boleh dibuat generalisasi.

### **Pensampelan Bertujuan**

Pensampelan bukan kebarangkalian digunakan apabila peserta yang dipilih untuk terlibat sebagai sampel adalah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji mempunyai kuasa mutlak menentukan siapa yang perlu terlibat berdasarkan kepada objektif dan keperluan kajian. Peluang untuk setiap peserta dipilih daripada populasi itu hampir sama setiap orang menjadikan keputusan yang diperoleh daripada kajian lebih tepat berbanding kaedah pensampelan bukan berkebarangkalian yang lain. Kaedah pensampelan ini paling popular digunakan dalam penyelidikan kualitatif apabila pengkaji menentukan kriteria atau ciri sampel berdasarkan kepada tujuan kajian.

### **Pensampelan Berkuota**

Pensampelan berkuota merupakan antara pensampelan bukan berkebarangkalian apabila sampel yang dipilih memiliki ciri yang sama seperti dalam populasi. Ia lebih kurang sama seperti pensampelan berstrata namun daripada setiap stratum ini pengkaji memilih mengikut keselesaan dan yang

paling mudah. Kuota dalam sampel telah ditentukan dan daripada situ pengkaji memilih ahli sampel yang perlu terlibat dalam kajian.

### **Pensampelan Bola Salji**

Pensampelan bola salji melibatkan rujukan daripada seorang peserta yang telah dikenalpasti cirinya yang memenuhi keperluan kajian sebagai permulaan membawa kepada orang seterusnya sebagai sampel kajian. Ia menjimatkan kos namun mungkin wujud bias apabila cadangan peserta kajian seterusnya ini mengurangkan potensi mendapatkan ciri-ciri lain yang boleh dilibatkan dalam kajian. Kaedah ini dipilih apabila pengkaji sukar mengenalpasti peserta kajiannya atau jika kajian melibatkan kes yang kritikal atau sensitif.

Pengkaji menentukan sampel berdasarkan ciri yang telah ditentukan dan responden yang dipilih itu kemudiannya memperkenalkan kepada responden seterusnya yang memiliki ciri sampel yang sama. Proses tamat apabila maklumat mencukupi dan telah benar-benar menjawab kesemua persoalan kajian.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah cara atau kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data. Ia adalah dalam bentuk soalan-soalan atau pernyataan yang dibina bagi memperoleh maklumat penyelidikan daripada responden atau subjek kajian. Bagaimana instrumen ini dibina dan siapa yang mengesahkannya? Jika ia diadaptasi daripada kajian lepas, maka pengkaji perlu menyatakan ia datangnya daripada kajian siapa. Nyatakan juga alasan item-item soal selidik ini dipilih.

Instrumen kajian dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Jika objektif kajian untuk mengkaji tahap, maka data yang akan dikumpulkan adalah skala dalam bentuk nombor seperti 1 hingga 5 dan sebagainya dengan makin tinggi skala bermakna semakin baik tahap sesuatu pembolehubah yang ingin dikaji. Instrumen kajian yang bersesuaian adalah menggunakan kaedah soal selidik melalui borang kaji selidik. Terdapat beberapa instrumen atau kaedah lain yang boleh digunakan dalam penyelidikan seperti kaedah pemerhatian, kaedah temubual, kaedah ujian dan kaedah dokumen.

### **Borang Kaji Selidik**

Kaedah soal selidik mengandungi item soal selidik bentuk terbuka dan tertutup. Soal selidik bentuk terbuka adalah soalan yang memberikan kebebasan kepada responden untuk menjawab yang dimulai dengan apakah, mengapakah, bagaimanakah, sejauhmanakah, nyatakan, berikan dan sebagainya yang menggalakkan responden memberikan jawapan sebenar mereka bukannya pengkaji. Ini memberikan kelebihan apabila jawapan yang diberikan adalah lebih meluas dan mungkin bukan dalam

senarai jawapan yang dimiliki oleh pengkaji. Namun jawapan yang berbentuk subjektif ini menyukarkan pengkaji untuk melakukan proses analisis data.

Soal selidik tertutup pula adalah soalan berstruktur dan responden hanya dibenarkan memilih jawapan yang ditentukan sahaja oleh pengkaji. Namun responden diberikan masa yang cukup untuk menjawab. Kelebihannya soal selidik jenis tertutup ini ialah ia memberikan kemudahan kepada responden dan maklumat yang diperoleh mudah dianalisis oleh pengkaji. Bagaimanapun kemudahan yang diberikan ini menyebabkan ada segelintir responden yang tidak mengambil perhatian membaca soalan atau pernyataan dengan serius sehinggakan memberikan skala sederhana sebagai jalan selamat.

Soal selidik yang dibina atau diadaptasi daripada kajian lain sebelumnya perlu memiliki ciri-ciri yang bersesuaian supaya maklumat yang diterima menjawab persoalan kajian. Istilah yang tepat digunakan serta mudah difahami oleh responden di samping telah melepasi ujian kesahan dan kebolehpercayaan. Soal selidik perlu diserahkan kepada responden oleh pengkaji sendiri atau melalui pos, emel atau lain-lain medium dalam talian.

Pengkaji dapat memilih sampel yang tepat dan bersesuaian dengan kajian apabila soal selidik diserahkan sendiri oleh pengkaji di samping hubungan langsung yang terbina semasa pertemuan dilakukan. Penerangan lebih lanjut juga boleh disampaikan namun cara ini kurang praktikal jika sekiranya ia melibatkan saiz sampel yang besar. Bagaimanapun bagi kiriman soal selidik melalui pos, emel dan medium tidak secara langsung membenarkan pengkaji mengakses lebih ramai responden tanpa perlu melibatkan masa, tenaga dan kos yang banyak. Namun kemungkinan kerjasama daripada responden agar mengembalikan soal selidik atau menjawab secara dalam talian tanpa pemantauan secara langsung ini bakal menyukarkan pengkaji. Orang yang menjawab soal selidik juga mungkin bukan daripada golongan sasaran kajian kerana fasa penerimaan soal selidik tersebut adalah di luar kawalan pengkaji.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini contohnya terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A (5 items): yang berkaitan dengan demografi responden. Bahagian ini terdiri daripada jantina, jarak ke sekolah, pergi ke sekolah, skor awal tahun dan skor akhir tahun. Bahagian B mempunyai 25 items yang berkaitan bentuk tekanan yang dihadapi oleh pelajar berkaitan persekolahan satu sesi. Skala pengukuran yang digunakan dalam bahagian B adalah jenis likert yang terdiri daripada lima skor utama seperti berikut:

1 = Amat tidak setuju.

2 = Tidak setuju.

3 = Kurang setuju

4 = Setuju.

5 = Amat Setuju.

Borang soal selidik yang akan disediakan terbahagi kepada lima (5) bahagian, iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Aspek Teknikal), bahagian C (Aspek Pembelajaran dan Metodologi), Bahagian D (Aspek Kemanusiaan dan Sosial) dan Bahagian E (Kompetensi Pengajar TVET). Pecahan bahagian borang soal selidik ini dapat dilihat seperti Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Dimensi	No. Item	Jumlah
Bahagian B	Aspek Teknikal	Pengetahuan Teknikal	1-6	6
		Kemahiran Teknikal	7-12	6
Bahagian C	Aspek Pembelajaran	Pengurusan Bengkel	13-18	6
		Kaedah Pengajaran	19-27	9
Bahagian D	Aspek Sosial	Pengurusan Pelatih	28-35	8
		Penyampaian Pengajaran	36-42	7
Bahagian E	Kompetensi	Teknikal	43-48	6
		Metodologi	49-54	6
			<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>

### Pemerhatian

Instrumen atau kaedah pemerhatian adalah kaedah terawal yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan data. Kaedah ini digunakan bagi kajian berbentuk eksperimen atau ujikaji, deskriptif dan historikal. Maklumat atau data diperolehi secara langsung oleh penyelidik.

Kaedah pemerhatian yang digunakan menjadi lebih mudah jika sekiranya tingkah laku manusia yang hendak diperhatikan misalnya diberikan definisi yang jelas dan boleh diukur. Pengkaji juga perlu menggunakan bantuan alat teknologi moden seperti video, perakam dan sebagainya. Pemerhatian tanpa turut serta adalah lebih baik dan hendaklah dilakukan pemerhatian kepada kejadian atau tingkahlaku yang harus diperhatikannya sahaja. Pengkaji perlu mengelak daripada menjalankan pemerhatian tunggal dan masa pemerhatian dibuat secara rawak bagi menjamin kesemulajadian. Hasil daripada pemerhatian seelok-eloknya dicatatkan secepat mungkin bagi mengelakkan keciciran maklumat.

Kaedah pemerhatian menyumbang maklumat yang lebih telus, terperinci, jelas dan tepat mengenai sampel kajian dan ia boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan ditriangulasikan dengan maklumat daripada kaedah

yang lain. Namun kemungkinan bias itu wujud semasa pemerhatian dilakukan apabila perlakuan sampel kajian seperti dibuat-buat (tidak asli) dan mungkin juga disebabkan kurang senang diperhatikan atau mereka mempunyai perasaan malu. Pemerhatian yang tidak bersistematik dan tidak konsisten juga boleh menyebabkan dapatan yang diperolehi adalah kurang tepat.

### **Temubual**

Instrumen temubual adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat melalui jawapan dalam bentuk lisan iaitu hasil daripada temubual. Penemubual adalah pengkaji sendiri atau sebaiknya orang yang mahir dalam bidang berkenaan. Kebiasaannya manusia lebih mudah dan cenderung memberikan pandangan secara lisan daripada bertulis. Penemubual boleh menerangkan dengan jelas maksud soalan atau kajian yang dijalankan jika ditanya dan ini dapat mengelakkan yang ditemubual atau subjek kajian daripada tersalah tafsir atau tersalah anggap.

Penemubual juga dapat menilai orang yang ditemubual melalui jawapan kepada soalan yang dikemukakan serta tindak balas yang diberikan seperti riak wajah dan bahasa badan semasa sesi temubual. Kaedah ini dipercayai sesuai bagi kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya serta orang yang buta huruf iaitu tidak tahu menulis dan membaca.

Persediaan yang lengkap perlu dilakukan oleh penemubual seperti memahami dan jelas dengan konsep maklumat yang diperlukan, menyenaraikan setiap soalan atau komen yang diperlukan untuk setiap tindakbalas, menyediakan senarai semak untuk memastikan kelancaran dan jawapan yang diberikan telah mencakupi semua aspek. Bentuk soalan yang bersifat terbuka memberikan peluang kepada penemubual menyelidik secara mendalam. Alat perakam suara boleh digunakan untuk membolehkan semua maklumat direkodkan namun mesti memohon keizinan orang yang ditemubual terlebih dahulu.

Pengkaji perlu memastikan penemubual menjalin hubungan yang mesra dan akrab dengan subjek kajian bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen temubual. Aspek yang perlu dipenuhi bagi menjawab semua persoalan kajian perlu distrukturkan selain kemukakan soalan yang sama dalam bentuk yang berbeza. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen juga boleh dilakukan melalui temubual yang diulang pada masa lain dan perbandingan dengan dapatan penemubual lain jika sekiranya ada.

Kaedah temubual berupaya mendapatkan maklumat yang lebih tepat, lengkap dan mendalam. Hubungan baik yang terjalin di antara penemubual dengan yang ditemubual mampu mendapatkan maklumat yang lebih sah dan boleh dipercayai. Kaedah ini juga sesuai digunakan untuk menyemak



maklumat daripada kaedah yang lain (triangulasi). Bagaimanapun kaedah ini memerlukan tempoh masa yang lama, tenaga dan kos yang tinggi. Penemubual yang dilibatkan perlu mahir berkomunikasi dengan bahasa pengantar yang difahami oleh subjek kajian. Latihan diperlukan bagi kajian yang melibatkan ramai penemubual bagi mengelakkan ralat atau bias. Ketelusan subjek kajian dalam menyalurkan maklumat juga boleh diragui.

### **Ujian**

Instrumen ini merupakan kaedah berbentuk ujian iaitu satu set rangsangan yang terdiri daripada soalan/pernyataan yang diberikan kepada subjek kajian untuk mendapatkan maklum balas mereka berasaskan kepada permarkahan (skor). Ujian digunakan bertujuan menentukan kecerdasan, pencapaian, keupayaan dan bakat subjek. Ujian kecerdasan digunakan untuk menilai sejauhmanakah subjek kajian mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tertentu seperti Ujian DASS (mengukur tahap stres) bagi mengukur prestasi mental individu.

Ujian pencapaian digunakan untuk mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang-bidang khusus misalnya Ujian Pencapaian Matematik untuk mengukur penguasaan pelajar dalam matematik. Ujian bakat digunakan untuk menilai bakat seseorang contohnya ujian nada suara untuk menilai bakat individu dalam nyanyian. Pengkaji perlu menentukan bilangan bahagian atau perkara yang ingin diuji yang telah diasingkan mengikut tahap kerumitan dan kesukaran sesuatu perkara bagi menjamin kesahannya.

### **Analisis Dokumen**

Kaedah ini menggunakan dokumen-dokumen berkaitan sebagai sumber untuk dikaji dan diperolehi maklumatnya. Dokumen seperti kitab, diari, laporan, arca, imej, dan sebagainya yang dianalisis kandungannya secara terperinci. Masa yang lama diperlukan oleh pengkaji untuk mengkaji yang tersurat dan menyelongkar yang tersirat berdasarkan temubual dengan subjek kajian yang berkaitan jika sekiranya ada. Kaedah ini memerlukan pengkaji fokus dan teliti dengan analisis yang dilakukan.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis (*pilot study*) merupakan ujian yang dilakukan ke atas sampel yang kecil untuk menguji instrumen yang digunakan samada ia benar-benar mengukur apa yang perlu diukur dalam kajian. Ia termasuk dalam fasa sebelum kajian lapangan iaitu pengumpulan data dilakukan. Ia menguji dan membina ketepatan instrumen selepas disahkan oleh pakar bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dan salah tafsiran oleh responden kajian. Jadi ia dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga pengkaji apabila instrumen yang benar-benar teruji baik dan disahkan ini boleh terus digunakan dalam kajian sebenar.

Kajian rintis terbahagi kepada dua jenis iaitu kajian rintis tidak diisytiharkan dan kajian rintis dengan penyertaan. Kajian rintis tidak diisytiharkan ditadbir kajiselidiknya terhadap responden seolah-olah seperti dalam kajian sebenar. Manakala dalam kajian rintis dengan penyertaan, responden dimaklumkan bahawa maklumbalas melibatkan reaksi dan komen mereka terhadap instrumen kajian adalah penting untuk penambahbaikan.

Format instrumen yang lebih bersesuaian berdasarkan cadangan dan ujian kebolehpercayaan dapat disediakan hasil daripada kajian rintis ini. Jika sekiranya pada kali pertama kajian rintis dilakukan, banyak kesilapan dikenalpasti dan skor kebolehpercayaan juga rendah, maka kajian rintis kali kedua perlu dilakukan. Namun jika sebaliknya, maka instrumen ini adalah disahkan dan dibenarkan untuk diguna pakai dalam kajian sebenar.

Responden dalam kajian rintis tidak dibenarkan terlibat sebagai responden dalam kajian sebenar. Sekurang-kurangnya dua kali kajian rintis perlu dilakukan bagi kajian yang melibatkan instrumen baharu. Saiz sampel sekurang-kurangnya 30 orang bagi satu kajian rintis berbentuk kuantitatif sahaja adalah dibenarkan. Kajian rintis perlu dilakukan bagi menguji instrumen yang dibina agar tempoh yang diberikan bersesuaian, istilah yang digunapakai jelas dan mudah difahami. Ia juga ditadbir agar soalan menepati sasaran kajian di samping pemurnian instrumen dengan pengguguran item yang tidak relevan dapat dilakukan. Kajian rintis adalah penting bagi menentukan kaedah penyelidikan terbaik yang boleh digunakan, menyelesaikan masalah isu-isu yang tidak dijangka dalam kajian, dan menentukan sama ada sesuatu penyelidikan berupaya atau tidak dilaksanakan. Kajian rintis digunakan dalam penyelidikan sains sosial sama ada penyelidikan secara kuantitatif mahupun kualitatif.

Kajian rintis merupakan kajian sejarah kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua Yan Piaw, 2006). Dalam suatu kajian sebagai contoh, pengkaji menjalankan kajian rintis yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal berhubung kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Item-item ini dalam soal selidik telah diuji bagi memastikan sama ada terdapat kekeliruan, kesukaran menjawab, ketidakjelasan, salah faham, dan lain-lain interpretasi yang tidak jelas. Sampel yang terlibat dalam ujian ini terdiri daripada 60 responden di sebuah sekolah yang berhampiran dengan sekolah kajian. Hasil kajian rintis ini mendapati bahawa semua item dalam Bahagian B (faktor stress dan beban belajar) yang berunsur positif perlu digugurkan dan digantikan dengan item yang lebih sesuai mengikut objektif kajian ini.

Objektif kajian rintis dilakukan adalah untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang telah dibangunkan. Kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis perlu dijalankan bagi mengurangkan ralat

dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan perlu diuji terlebih dahulu. Oleh itu kajian rintis dilakukan untuk mengukur ketekalan ukuran setiap item soalan soal selidik.

### **Etika Pengumpulan Data**

Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian bergantung sepenuhnya kepada etika seseorang pengkaji (Merriam, 2009). Oleh itu, sebelum pengumpulan data dilakukan, pengkaji perlu menjelaskan kepada responden atau subjek kajian tentang tujuan dan bentuk kajian yang dijalankan. Mereka perlu mengetahui hak mereka, bagaimana maklumat akan dianalisis dan siapa yang berhak mengakses maklumat tersebut. Ini bagi mengelakkan pertembungan pendapat yang mungkin wujud antara responden dengan pengkaji. Keberkesanan kajian amat bergantung kepada kerjasama dan keikhlasan responden yang terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji perlu menggunakan prinsip dan prosedur berikut semasa menjalankan kajian iaitu hubungan dua hala, ketelusan, kebebasan, keadilan, perundingan, kerahsiaan, dan akauntabiliti.

### **Hubungan Dua Hala**

Semua pihak yang terlibat dengan kajian perlu dimaklumkan terlebih dahulu bagaimana dan mengapa kajian ini dijalankan. Hak mereka untuk mengetahui dapatan kepada kajian ini tidak boleh dinafikan.

### **Ketelusan**

Kertas kerja, kaedah dan laporan kajian adalah terbuka dan bersifat telus kepada penelitian dan komen pihak yang terlibat secara langsung dalam sesebuah kajian. Responden atau subjek kajian berhak membantah sekiranya mereka tidak bersetuju dengan hasil interpretasi data yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji perlu menyedari bahawa penilaian dan laporan yang disediakan adalah rahsia dan sulit. Maka pelaporan tanpa kebenaran daripada pihak-pihak terlibat adalah tidak wajar dan tidak beretika.

### **Kebebasan**

Bakal responden dan subjek kajian adalah bebas untuk terlibat atau tidak dalam kajian. Selain daripada itu, prinsip kebebasan adalah juga perlu dalam proses penilaian untuk mengelakkan unsur bias atau berat sebelah dengan melibatkan prosedur berikut:

- i. Tiada pihak yang mempunyai hak akses istimewa terhadap data yang dikumpul
- ii. Tiada pihak yang berhak memonopoli arah tuju dan fokus kajian
- iii. Tiada pihak yang mempunyai hak mutlak untuk membatalkan kandungan laporan.

**Keadilan**

Kajian adalah bebas daripada sebarang pengaruh pertubuhan atau institusi. Kajian merupakan pandangan semua pihak tanpa sebarang tekanan untuk mengambil tindakan terhadap individu dan situasi yang dikaji. Laporan kajian perlu disediakan kepada semua pihak terlibat untuk diteliti dan dikomen.

**Perundingan**

Perundingan antara pengkaji dan responden kajian diadakan secara menyeluruh melibatkan isu kerahsiaan, cadangan, keperluan serta komen bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan maklumat dan perkembangannya.

**Kerahsiaan**

Sumber maklumat adalah dijamin kerahsiaannya. Kerahsiaan bertujuan melindungi responden sebagai individu daripada gangguan, salah interpretasi dan tindakan negatif dengan memastikan setiap prosedur dilakukan. Pengkaji tidak akan memeriksa dan menyalin dokumen tanpa kebenaran.

Hasil temu bual, surat menyurat dan maklumat lain dianggap sah dan bukan '*off the record*'. Namun pihak terlibat boleh melarang penggunaannya jika ia bukan untuk dikongsi sebagai hak awam. Laporan juga perlu disimpan di tempat yang selamat.

**Akauntabiliti**

Pengkaji adalah bertanggungjawab kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian dengan memastikan semua prosedur dan prinsip yang dinyatakan diikuti dan dihormati. Pihak institusi yang terlibat jika ada boleh membuat komen dan cadangan untuk memperbaiki prosedur dan prinsip tersebut jika perlu.

**Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua perkara yang sangat penting bagi memastikan kajian yang dijalankan sah yang menghasilkan dapatan yang boleh dipercayai (Yin, 2009). Kesahan dan kebolehpercayaan adalah ciri utama yang menentukan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu instrumen. Ia merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian itu menggambarkan fenomena yang dikaji itu tepat dan tekal (Othman Lebar, 2007). Pengurusan data yang sistematik dan beretika (Merriam, 2009) membantu proses kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan terhadap fenomena semula jadi melalui penyampaian secara terperinci tentang langkah-langkah yang dilalui sepanjang kajian.

Kesahan dan kebolehpercayaan sebenarnya dapat menjelaskan bagaimana data dapat disokong oleh bukti yang kukuh tanpa ragu-ragu (Zanaton Iksan, 2016). Menurut Creswell (2008), kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu instrumen yang digunakan dalam kajian dengan memastikan ia mengandungi kesemua ciri yang diukur. Kebolehpercayaan pula adalah ketekalan dan kestabilan sesuatu instrumen agar ia mengukur konsep yang sama. Kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang bagi menjamin ketepuan maklumat.

Ketekalan dalaman merujuk kepada data yang disusun dalam bentuk yang bermakna manakala ketekalan luaran melibatkan pengesahan melalui semakan silang antara data hasil temubual misalnya dengan data yang diperoleh melalui pemerhatian. Pengurusan data yang sistematik dan beretika memudahkan proses kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan (Merriam, 2009). Menurut Zanaton Iksan (2016), kesahan dan kebolehpercayaan mampu menjelaskan bagaimana dapatan kajian dapat disokong oleh bukti yang kukuh tanpa sebarang keraguan. Beberapa cara digunakan untuk meningkatkan kesahan dalaman dan luaran serta kebolehpercayaan bagi sesuatu kajian.

Proses kesahan dan kebolehpercayaan diperoleh melalui proses triangulasi, tempoh pemerhatian yang bersesuaian, persetujuan peserta kajian (*member checking*), penelitian oleh rakan sebaya (*peer review*), jejak audit, dan bias pengkaji.

### **Triangulasi**

Penggunaan pelbagai sumber data, kaedah pemungutan data dan analisis adalah proses triangulasi (Merriam, 2009) yang mampu memberikan peluang kepada proses kesahan dapatan yang baik dan boleh dipercayai. Data yang diperoleh daripada satu teknik diperkuatkan lagi oleh teknik yang lain. Dalam suatu kajian misalnya, proses triangulasi dilakukan oleh pengkaji apabila membandingkan data daripada hasil analisis dokumen, temubual dan hasil pemerhatian.

### **Tempoh Kajian**

Tempoh masa yang lama diperlukan bagi menyempurnakan kajian lapangan berbentuk kualitatif disebabkan sifatnya yang agak kompleks dan mendalam. Tempoh kajian perlu dinyatakan berserta tarikh bermula dan berakhir termasuk tempoh dilakukan bagi kajian rintis. Menurut Bogdan dan Biklen (2007), tempoh masa yang lama bagi suatu kajian sebenar adalah memadai dan mampu memberikan gambaran sebenar perkara yang ingin dikaji.

Terangkan bagaimana kajian dijalankan termasuk yang melibatkan proses analisis dokumen, temubual dan pemerhatian jika ada. Tempoh masa yang

mencukupi diperlukan bagi pengkaji untuk fokus dengan kerja-kerja lapangan dan seterusnya menyempurnakannya seperti yang dijadualkan. Penetapan tempoh kajian ini juga bergantung kepada kekangan masa yang dimiliki oleh pengkaji sepanjang pengajian atau penyelidikan juga perlu dinyatakan.

Masa yang diambil sebagai tempoh yang bersesuaian dalam proses pengumpulan data membolehkan hubungan yang baik dan berterusan dibina antara pengkaji dengan peserta kajian. Peluang melakukan pemerhatian dan temu bual berulang kali contohnya ini dapat membina kepercayaan antara pengkaji dengan peserta kajian dan ini menjamin situasi yang selesa dalam pencerakan maklumat. Menurut Othman Lebar (2007), pengkaji boleh mempelajari selok-belok budaya di samping dapat mengenali responden kajian dengan lebih rapat. Oleh itu kualiti data dapat dipertingkatkan melalui perbandingan data yang diperolehi melalui lebih daripada satu teknik pengumpulan data.

### **Persetujuan Peserta Kajian**

Persetujuan daripada responden kajian diperlukan bagi mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat dan laporan kajian. Ia juga sebagai bukti dalam meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Keadaan bias yang mungkin timbul mampu mempengaruhi pemerolehan data. Persetujuan responden atau subjek kajian dalam kajian ini melibatkan tiga langkah iaitu pengesahan transkripsi, pengesahan terhadap pengembangan dan pentafsiran item oleh pengkaji dan pengesahan kategori.

### **Pengesahan Transkripsi**

Pengesahan transkripsi dilakukan terhadap data mentah dengan cara menunjukkan data mentah (contoh: verbatim pengajaran dan transkripsi temu bual) berserta borang pengesahan yang perlu ditandatangani oleh subjek kajian. Subjek kajian boleh memberi maklum balas serta komen penambahbaikan terhadap segala kekeliruan dan ketidaktepatan maklumat sekiranya ada melalui perbincangan bersama pengkaji.

### **Pengesahan Pengembangan dan Pentafsiran Item**

Pengesahan terhadap pengembangan dan pentafsiran item dilakukan bagi menjelaskan sesuatu perkara yang kurang difahami (Zanaton Iksan, 2016). Komen daripada subjek kajian diperlukan bagi mengesahkan ketepatan ayat yang dilaporkan agar tidak menyimpang daripada maksud sebenar. Penjelasan lanjut bagi beberapa perkara yang kurang difahami dapat dilakukan semasa sesi temu bual.

### **Pengesahan Kategori**

Pengesahan terhadap kategori juga dilakukan dengan perbincangan pengkaji bersama subjek kajian bagi mendapatkan kepastian dan kesesuaian kategori yang dibentuk oleh pengkaji berdasarkan pandangan subjek kajian.

Keyakinan pengkaji terhadap pembentukan kategori dan seterusnya proses penganalisan meningkat memandangkan data yang dikumpul adalah daripada berdasarkan perspektif subjek kajian.

### **Penelitian Kesepakaran atau 'Peer Review'**

Penelitian rakan sepakaran atau '*peer review*' adalah penyemakan data oleh rakan dan penyelia diikuti oleh perbincangan bagi tujuan penelitian dan penilaian. Rakan sepengajian merupakan rakan yang menggunakan pendekatan kajian yang sama dengan pengkaji. Rakan sepakaran pula adalah mereka yang mahir dalam bidang atau fenomena yang dikaji (Fraenkel & Wallen, 2008). Ini menyediakan idea yang bernas tentang kategori yang dibentuk dan seterusnya dapatan kajian.

Pengkaji perlu berusaha melibatkan penyelia (penyelia utama dan penyelia bersama jika ada) selain daripada lebih seorang rakan sepengajian dan rakan sepakaran dalam proses penyemakan data. Penelitian ini boleh dilakukan melalui pembentangan objektif dan hasil dapatan kajian, perbincangan menyeluruh antara pengkaji dengan rakan dan penyelia serta akhir sekali rumusan hasil perbincangan rasmi bersama penyelia dan rakan kesepakaran.

Perbincangan bersama penyelia dan rakan (sepakaran dan sepengajian) boleh dilaksanakan melalui satu sesi perbincangan yang diatur bagi mendapatkan persetujuan berkenaan kajian terutamanya semasa proses penganalisan data. Rakan sepengajian terdiri daripada rakan yang turut menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian mereka. Rakan sepakaran yang dijemput terlibat dalam perbincangan ini merupakan rakan pengkaji yang berpengalaman dalam bidang. Perbincangan yang diatur secara rasmi bersama penyelia dan pengkaji berpengalaman dilakukan serentak bagi mengesahkan serta menerima tema atau kategori yang dibentuk sebagai hasil kajian.

### **Jejak Audit**

Menurut Merriam (2009), jejak audit merupakan proses penerangan terperinci tentang bagaimana data dipungut, kategori diperoleh dan keputusan dibentuk melalui penyiasatan. Ia dibina bagi mendokumentasikan proses yang dilalui melalui penulisan jurnal, penyimpanan log terhadap semua aktiviti yang dilakukan, membentuk kronologi pengumpulan data dan merekodkan prosedur analisis data dengan jelas (Othman Lebar, 2007).

Jejak audit membolehkan pengkaji mengesan pemikiran, ramalan, idea gerak hati sepanjang proses penganalisan data di samping memudahkan proses pencarian semula peristiwa yang berlaku di lapangan (Zanaton Iksan, 2016). Peluang kebolehpercayaan dan kesahihan data yang diperoleh juga dapat dipertingkatkan melalui jejak audit.

Proses jejak audit dilakukan dengan mencatatkan segala aktiviti seharian yang berkaitan pengumpulan data sehingga dapatan kajian diperoleh. Buku log disediakan untuk mendokumentasikan kronologi pengumpulan data dan penyimpanan data dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*) dalam perisian *Atlas.Ti* yang digunakan. Tarikh, masa dan indeks bagi setiap jenis data dicatat sebagai bukti dapatan kajian bagi memudahkan urusan pencarian semula data.

### **Bias Pengkaji**

Kemampuan pengkaji menjelaskan andaian yang dibuat pada awal kajian diterangkan melalui bias pengkaji. Menurut Othman Lebar (2007), bias pengkaji merupakan prosedur yang meminta pengkaji menjelaskan andaian, kepercayaan, nilai dan bias yang boleh mempengaruhi kajian. Situasi ini perlu bagi membolehkan pembaca memahami kedudukan pengkaji yang sedaya upaya ingin mengurangkan bias dalam penyelidikan. Oleh itu pengkaji seboleh-bolehnya perlu mengelak daripada membuat andaian dengan memberikan penerangan mendalam tentang subjek kajian, konteks semula jadi data dalam membincangkan dapatan kajian.

### **Rumusan**

Dalam pengajian pasca siswazah, metodologi kajian adalah penting bagi memastikan kajian dilakukan dengan menyeluruh demi menjamin hasil dapatan yang memenuhi objektif dan persoalan kajian.

### **Latihan**

- (1) Dalam penyelidikan kualitatif, perancangan kerja, persediaan peralatan, pemurnian protokol temubual dan pemerhatian dilakukan dalam fasa pertama pengumpulan data. Terangkan kepentingan ia perlu dilakukan sebelum beralih kepada fasa kedua pengumpulan data.
- (2) Terangkan jenis pensampelan dan berikan satu contoh kaedah bagi setiap jenis pensampelan itu berserta kelebihan dan kelemahannya.
- (3) Instrumen kajian adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data. Terangkan setiap jenis instrumen dan kelebihanannya.
- (4) Terangkan sebab mengapa persetujuan daripada responden kajian penting dan perlu diperoleh sebelum memulakan kajian.



## Rujukan

- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 2007. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 5th Edition. Boston, MA: Pearson Education, Inc
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan: buku 1*. McGraw-Hill,
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th ed.). Oxford Routledge Falmer Publisher.
- Creswell, J. W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (Fourth Edition)*. Boston, United States of America: Pearson Education Inc.
- Crouch, C. & Pearce, J. 2012. *Doing Research in Design*. London: Berg Publishers.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. 2008. *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill Humanities Social.
- Gagne, R. M. 1985. *Conditions of Learning and Theory of Instruction*. New York: CBS College Publishing. Norton.
- Kerlinger, 1970). Kerlinger, F. N.(1970) A Social Attitude Scale: Evidence on Reliability and Validity, Psychological Report Volume: 26 issue: 2, page(s): 379-383.
- <https://doi.org/10.2466/pr0.1970.26.2.379>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in education: A conceptual Introduction*. Boston: Little, Brown. Chicago, 15th ed.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation (Revised and Expanded from Qualitative Research and Case Study Applications in Education)*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim, Perak.: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Patton, M. Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Method*. Third edition. USA: Sage Publications, Inc.

Stake, R.E. (2006) *Multiple case study analysis*. The Guilford Press, New York

Strauss, A. C. & Corbin, J. M. 2008. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage.

Sulaiman Masri (2003) *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors

Yin, R. K. 2009. *Case Study Research: Design and Methods: Applied Social Research Methods*. 4th Edition. Thousand Oaks, CA: Sage.

Zanaton Iksan. 2016. *Soalan Lisan dalam Proses Pengajaran*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BAB 4 - ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

### Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran daripada bab ini adalah

- i. Mengetahui bagaimana menulis dapatan kajian
- ii. Memahami maksud hipotesis kajian dan peranannya dalam kajian
- iii. Menulis persoalan kajian dan hipotesis berdasarkan kepada objektif kajian
- iv. Menyatakan hipotesis kajian

### Pengenalan

Bab ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan kepada keputusan ujian dan maklum balas yang diberikan oleh responden serta hasil analisis yang diperoleh. Sebagai contoh maklumbalas responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Kajian ini sebagai contoh telah dianalisis dengan menggunakan sistem *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, versi 12.0. Semua keputusan yang diperoleh dibentangkan dalam bentuk jadual, carta pai dan graf. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian.

Bagi kajian kesan kaedah pembelajaran ke atas pencapaian Bahasa Arab misalnya pengkaji telah menggunakan statistik deskriptif bagi menjelaskan latarbelakang responden, minat, masalah dan kesan penggunaan animasi. Analisis data daripada borang soal selidik dilakukan menerusi proses taburan frekuensi iaitu untuk menunjukkan kekerapan dan peratus. Pengkaji menggunakan statistik inferensi iaitu ujian taburan  $t$  (*t-test*) untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar mengikut kaedah yang digunakan dalam pembelajaran. Selain itu, analisis soal selidik dan temu bual juga dilakukan sebagai sokongan terhadap dapatan kajian.

### Profil Demografi Responden

Maklumat demografi kajian diterangkan dalam bahagian ini dalam bentuk jadual atau carta. Penerangan berdasarkan jadual atau carta juga diberikan secara ringkas. Contoh bagi kajian ini profil demografi responden terbahagi kepada lima bahagian iaitu jantina pelajar, jantina majikan, tahap pengajian pelajar, jenis perniagaan organisasi dan lokasi perniagaan organisasi. Carta

pai digunakan untuk menunjukkan bilangan pelajar dan majikan terlibat mengikut jantina dan tahap pengajian manakala jadual taburan kekerapan digunakan untuk menunjukkan program pengajian pelajar, jenis perniagaan dan lokasi perniagaan majikan.

### Jantina Responden

Kajian ini melibatkan 20 orang responden yang terdiri daripada 35% (7 orang) responden lelaki dan 20% (4 orang) dan seramai 13 orang atau 65% adalah responden perempuan.

Jadual 4.1: Taburan Demografi Responden Kajian

Bil	Kategori	Kekerapan	Peratus
1	Jantina		
1.1	Lelaki	17	0.425
1.2	Perempuan	23	0.575
2	Umur		
2.1	18 tahun dan ke bawah	15	0.375
2.2	19 tahun dan ke atas	25	0.625
3	Bidang Pengajian		
3.1	Sumber Manusia	19	47.5%
3.2	Perniagaan	11	27.5%
3.3	Perakaunan	10	25%
4	Pengalaman		
4.1	Sijil	12	30%
4.2	Diploma/STPM/STAM	10	25%
4.3	Ijazah Sarjana Muda	12	30%
4.4	Sarjana	5	12.5%
4.5	PhD	1	2.5%

Daripada kajian ini, gambaran umum mendapati bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Taburan pelajar didapati tidak seimbang antara jantina kerana pengkaji mendapati agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama daripada segi bilangan mengikut jantina.

### Ujian Kebolehpercayaan

Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai *Cronbach Alpha* yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap baik, tinggi, dan berkesan. Manakala, julat menghampiri 0.00 pula, ia menggambarkan tahap kebolehpercayaan yang rendah. Jadual 4.3 menunjukkan jadual interpretasi skor kebolehpercayaan yang dirujuk dalam kajian ini.

Jadual 4.3: Jadual Interpretasi Skor Kebolehpercayaan (Bond & Fox, 2015)

Skor Cronbach Alpha	Interpretasi Kebolehpercayaan
0.9-1.0	Sangat baik dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7-0.89	Baik dan boleh diterima
0.6-0,69	Boleh diterima
0.5-0.59	Item perlu diperbaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Kajian rintis (*pilot study*) digunakan untuk menguji kesahan soalan kajian. Borang soal selidik telah dianalisis bagi melihat darjah kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*). Ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) dilakukan terhadap soalan yang berkaitan dengan faktor stres, kesan stres dan beban belajar kepada kesihatan diri dan kehidupan dalam keluarga. Kepentingan ujian ini adalah untuk mengetahui tentang item soal selidik yang disediakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Kesesuaian soalan telah dinilai dari segi kefahaman pelajar terhadap tatabahasa, kandungan dan masa yang diambil untuk menjawab semua soal selidik tersebut. Menurut Mohd Majid Konting (2004), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Oleh itu, nilai alpha yang digunakan untuk ujian kebolehpercayaan ini ialah 0.60. Hasil kajian ini mendapati bahawa soalan faktor stres, kesan stres dan beban belajar kepada kesihatan diri dan kehidupan dalam keluarga mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan hasil yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan yang dilakukan.

Ujian kebolehpercayaan dilakukan ke atas dapatan kajian sebenar. Jadual 4.4 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi empat pembolehubah tidak bersandar iaitu komunikasi, interpersonal, kemahiran berfikir serta nilai dan etika berdasarkan kepada kajian sebenar ke atas 107 orang responden seperti dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.4: Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik

Ciri-Ciri Kebolehpasaran	Bilangan Item	Nilai Cronbach' Alpha	Interpretasi
Komunikasi	3	0.705	Baik
Interpersonal	2	0.531	Sederhana
Kemahiran Berfikir	4	0.83	Amat baik
Etika Dan Nilai	4	0.825	Amat baik

Nilai *cronbach alpha* bagi keempat-empat pembolehubah tidak bersandar iaitu komunikasi 0.705, interpersonal 0.531, kemahiran berfikir 0.830 serta etika dan nilai 0.825. Jadual menunjukkan nilai *cronbach alpha* bagi setiap pembolehubah bagi kajian ini.

Dapatan analisis kajian rintis mendapati, nilai kebolehpercayaan yang merujuk kepada nilai Alpha Cronbach ialah 0.98 seperti Jadual 4.4. Ini menunjukkan instrumen berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015).

### **Analisis Statistik Deskriptif**

Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab soalan-soalan kajian. Data daripada borang soal selidik akan dianalisis menggunakan program SPSS for windows version 15.0 untuk mendapatkan kekerapan (frekuensi) dan peratusan bagi setiap soalan kajian. Data kajian diwakilkan dalam bentuk jadual dan rajah serta dibuat tafsiran umum. Manakala analisis data dibuat dengan membandingkan peratusan tertinggi dan terendah serta nilai skor min dan skor piawai bagi setiap soalan kajian.

Statistik deskriptif adalah jenis statistik yang matlamatnya adalah untuk menerangkan ciri-ciri satu set data yang dikumpulkan seperti min, median, mod, variasi atau sisihan piawai. Kepencongan di samping penerokaan hubungan melalui korelasi antara pembolehubah dibentangkan keputusan statistiknya dalam bentuk grafik membolehkan pengkaji melihat taburan data dan menggambarkan populasi dalam kajian: Nilai min umur atau purata umur orang yang berkahwin di Selangor manakala mod adalah umur yang paling biasa orang berkahwin di Selangor adalah contoh statistik deskriptif.

Misalnya dapatan dalam kajian ini melibatkan skor min tahap ciri-ciri kebolehpasaran yang perlu dimiliki oleh seorang pelajar atau bakal graduan. Empat ciri kebolehpasaran dibincangkan min tahap masing-masing berdasarkan kepada penilaian 107 orang majikan terhadap pelajar yang menjalani latihan industri atau praktikal di organisasi mereka. Perbincangan dapatan adalah mengikut setiap jenis ciri kebolehpasaran iaitu komunikasi, interpersonal, kemahiran berfikir dan diikuti oleh nilai dan etika. Interpretasi tahap min ini adalah mengikut ketetapan dalam jadual 4.1 apabila 3.68 hingga 5.00 diklasifikasikan sebagai tahap tertinggi diikuti tahap sederhana bagi julat min 2.34 hingga 3.67 dan tahap rendah bagi julat min 2.33 dan ke bawah (Mohd Majid Konting (2004)).

Jadual 4.3: Interpretasi Skor Min

Julat Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Berdasarkan kepada perspektif majikan, kajian ini mendapati bahawa min keseluruhan tahap kemahiran berkomunikasi pelajar adalah 4.42 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Terdapat tiga item yang menyumbang kepada min keseluruhan kemahiran berkomunikasi termasuklah kemahiran komunikasi professional. Pergaulan dan penguasaan bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia.

Jadual 4.5: Taburan Min Komunikasi Terhadap Kebolehpasaran berdasarkan kepada Perspektif Majikan

Bil.	Item	Sisihan Piawai	Min	Tahap
1	Kemahiran komunikasi professional (merangkumi komunikasi lisan dengan penyelia dan rakan sekerja dan adab komunikasi yang berkaitan).	0.721	4.37	Tinggi
2	Pergaulan: Kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja.	0.558	4.63	Tinggi
3	Kemahiran dwibahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris)	0.728	4.25	Tinggi
Min Keseluruhan			4.42	Tinggi

Kebolehan bergaul dan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja menunjukkan tahap min tertinggi iaitu 4.63. Walaupun kemahiran berbahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) berada pada tahap terendah iaitu 4.25 namun masih lagi pada tahap yang tinggi.

### Analisis Inferensi

Statistik inferensi dihasilkan melalui pengiraan matematik yang kompleks yang membolehkan pengkaji membuat kesimpulan mengenai populasi yang lebih besar berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap sampel yang diambil daripadanya. Statistik inferensi membolehkan kajian hubungan antara pembolehubah dalam sampel dilakukan dan kemudian membuat generalisasi atau ramalan tentang bagaimana pembolehubah-pembolehubah akan berkaitan dengan penduduk yang lebih besar.

Situasi yang sukar dan menimbulkan masalah kepada pengkaji untuk meneliti setiap ahli populasi secara individu. Jadi pengkaji memilih wakil penduduk yang dikategorikan sebagai sampel kajian yang kemudian dianalisis dan keputusannya menggambarkan keputusan bagi populasi kajian. Teknik yang biasanya digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah yang

mewujudkan statistik inferensi, termasuk analisis korelasi, regresi linear dan ANOVA.

Misalnya dalam kajian ini, analisis inferensi dilakukan bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu mengkaji adakah terdapat perbezaan tahap kebolehpasaran di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Jadual 4.6: Jadual Hasil Analisis Ujian t ke atas Perbezaan Tahap Kebolehpasaran berdasarkan Jantina

Jantina Pelajar	Bil	Sisishan		Nilai t	Tahap Signifikan
		Min	Piawai		
Lelaki	38	4.4474	.47316	.428	.669
Perempuan	69	4.4010	.56759		

Berdasarkan Jadual 4.6 didapati nilai-t bagi perbandingan tahap komunikasi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah  $t=0.428$ . Tahap signifikan  $p=0.669$  ini lebih besar daripada  $0.05$  ( $p>0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ( $H_{01}$ ) diterima. Oleh itu, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap komunikasi di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Skor min tahap komunikasi pelajar lelaki ( $\text{min}=4.4474$ ) dan perbezaannya berbanding pelajar perempuan ( $\text{min}=4.4010$ ) adalah sangat kecil. Ini bermakna tahap komunikasi pelajar lelaki dan perempuan adalah sama.

### Perbincangan Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah anggapan terhadap hasil kajian yang perlu dibina sebelum fasa pengumpulan data dilakukan. Dapatan kajian akan menentusahkan samada anggapan tadi benar atau sebaliknya. Ia dinyatakan dengan ringkas, tepat dan jelas. Ia juga boleh diuji, dicerap dan diukur melalui jangkakan kepada hubungan antara pembolehubah yang terlibat dalam kajian. Ia bersifat khusus iaitu khusus bagi perkara yang ingin diukur dengan objektif kajian sebagai panduan.

Hipotesis kajian boleh dibina secara induktif atau deduktif. Induktif apabila pengkaji melakukan aruhan iaitu membuat cerapan ke atas kumpulan kecil dan kemudian membuat tafsiran atau kenyataan umum ke atas kumpulan yang besar atau yang dipanggil generalisasi. Deduktif pula berlaku apabila pengkaji menggunakan teori sedia ada yang dijadikan sebagai asas pembinaan hipotesis dan hipotesis ini kemudiannya diuji menjadi pelengkap kepada teori tersebut. Oleh itu pengkaji perlu menjelaskan kaedah pembinaan hipotesis ini dalam kajian.

Hipotesis kajian terbahagi kepada dua jenis iaitu hipotesis penyelidikan dan hipotesis operasi. Hipotesis penyelidikan yang dikenali juga sebagai hipotesis alternatif adalah sesuatu yang dijangka akan diterima. Pernyataannya



melibatkan tanda ' $\neq$ ' atau '>' atau '<' atau perkataan 'terdapat perbezaan'. Hipotesis operasi merupakan hipotesis yang diuji atau dipanggil hipotesis nul. Hipotesis ini menyatakan tiada kepincangan atau tiada perbezaan. Tanda '=' digunakan secara empirikal atau mengandungi perkataan 'tiada perbezaan' atau 'sama'.

Dalam hipotesis kajian, pengkaji membuat jangkaan hubungan antara pembolehubah dalam kajian dengan mengeluarkan pernyataan berbentuk hubungan yang boleh diuji secara langsung. Ia bertindak sebagai panduan kepada penyelidikan berdasarkan objektif kajian dengan menentukan asas pemilihan sampel, menentukan masalah kajian, membantu menganalisis dan seterusnya mentadbir data dengan berkesan bagi menghasilkan kerangka laporan dapatan dan akhirnya kesimpulan.

### **Ringkasan Hipotesis Kajian**

Keputusan ujian terhadap hipotesis yang dinyatakan dalam kajian perlu diterangkan. Jika hipotesis nul ditolak, maka hipotesis alternatif adalah diterima. Maka keputusannya adalah terdapat perbezaan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar yang dikaji. Berikut merupakan contoh keputusan ujian hipotesis diterangkan;

'Berdasarkan kepada analisis inferensi yang dilakukan melalui ujian t terhadap 107 orang responden misalnya, kajian mendapati bahawa kesemua dua hipotesis ini diterima berdasarkan kepada nilai p yang lebih besar daripada 0.05. Oleh itu keputusan ujian yang menerima  $H_0$  bagi setiap hipotesis memberikan kesimpulan berikut;

- i.  $H_{01}$  : Tidak terdapat perbezaan tahap komunikasi di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- ii.  $H_{02}$  : Tidak terdapat perbezaan tahap interpersonal di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Kesimpulannya kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap komunikasi dan tahap interpersonal di antara pelajar diploma dengan pelajar ijazah.'

### **Latihan**

- (1) Jelaskan bagaimana kajian rintis berperan dalam menguji kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu instrumen soal selidik.

- (2) Nyatakan perbezaan di antara analisis secara deskriptif dengan analisis secara inferensi.
- (3) Terangkan definisi hipotesis kajian secara mendalam.
- (4) Apakah peranan triangulasi dalam penyelidikan? Jelaskan.

### **Rujukan**

Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences* (3rd ed.). Mahwah, NJ L. Erlbaum.

Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **BAB 5 – CADANGAN DAN KESIMPULAN**

### **Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran daripada bab ini adalah

- i. Mengetahui bagaimana menulis cadangan dan kesimpulan dalam tesis.
- ii. Memahami implikasi kajian dan penulisannya.
- iii. Menulis bab lima dengan sistematik.
- iv. Membezakan ringkasan dapatan kajian, implikasi dan cadangan kajian lanjutan.

### **Pengenalan**

Bab ini memberikan panduan bagaimana cadangan dan kesimpulan dilaporkan dalam tesis. Pengenalan, ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan, kesimpulan kajian dan rumusan merupakan subtajuk yang dimuatkan dalam bab ini.

Bab ini menekankan perbincangan kepada dapatan kajian yang dilakukan berdasarkan kepada persoalan kajian. Oleh itu perbincangan dimulakan dengan jawapan atau dapatan secara am kepada setiap persoalan yang diutarakan dalam kajian. Implikasi kajian terhadap teori dan amalan turut dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan diteruskan dengan cadangan kajian pada masa akan datang diakhiri dengan kesimpulan.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Perbincangan dapatan kajian boleh dipecahkan kepada beberapa bahagian bergantung kepada persoalan kajian. Contohnya bagi kajian oleh Amani Dahaman (2014) terhadap subjek Bahasa Arab apabila perbincangan dapatan kajian dilakukan bahagian demi bahagian seperti berikut:

'Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu perbincangan dapatan analisis keperluan, perbincangan dapatan kajian fasa reka bentuk dan pembangunan dan perbincangan dapatan kajian fasa penilaian kepenggunaan. Dapatan soal selidik analisis keperluan yang telah dijalankan ke atas 180 responden yang melibatkan pelajar dan pensyarah jurusan pendidikan bahasa Arab menunjukkan bahawa tahap kemahiran ICT pengguna berada pada tahap mahir dan sangat mahir. Tiada yang berada pada tahap tidak mahir. Selain itu, peratus pemilikan perkakasan teknologi mudah alih di kalangan pelajar dan pensyarah adalah 100%. Malahan, 90% pensyarah dan 73.3% pelajar di IPG memiliki data internet atau broadband berbayar. Dapatan tersebut 257 menunjukkan tentang kesediaan yang tinggi pada pelajar dan pensyarah dari segi kemahiran dan pemilikan perkakasan teknologi mudah alih bagi penggunaan teknologi mudah alih dalam pembelajaran. Dapatan ini selari dengan rumusan kajian Nabeel Farouq (2008) yang menyatakan bahawa perkakasan teknologi mudah alih semakin diterima dalam sistem pembelajaran di universiti. Perbandingan yang seiring di antara kemahiran ICT dan pemilikan perkakasan teknologi mudah alih memberi gambaran jelas tentang kesediaan dan keperluan mereka dalam mengaplikasikan teknologi mudah alih dalam sistem pembelajaran secara terancang. Dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Norlidah Alias (2010) dan kajian Ahmad Sobri Shuib (2010) bahawa teknologi mudah alih sesuai digabungkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia pada masa kini yang seiring dengan kerancangan era teknologi dunia.'

Perbincangan dapatan kajian yang baik perlu diselarikan dengan dapatan kajian oleh penyelidik terdahulu iaitu samada menyokong ataupun sebaliknya. Perbincangan yang cakna dan dijelaskan dengan hujah yang bernas memberikan kesimpulan yang bermakna.

## Implikasi Kajian

Keupayaan kajian ini dalam memberikan beberapa implikasi kepada kebaikan atau kemaslahatan ummah dibincangkan dalam bahagian ini. Implikasi kajian ini termasuk impak kajian dalam menyumbang dapatan baharu kepada konsep atau teori yang sedia ada berkaitan bidang tertentu.

Pendekatan yang digunapakai dalam pembelajaran dan pengajaran yang ditambahbaik dengan pelbagai cadangan aktiviti dalam kelas berdasarkan dapatan kajian merupakan antara contoh implikasi kajian. Berikut adalah contoh bagaimana implikasi kajian dihuraikan.

‘Dalam kajian ini lima jenis nilai telah dikenal pasti wujud dan dimiliki oleh pelajar ketika mempelajari matematik iaitu nilai pengetahuan, nilai pengaplikasian, nilai motivasi dalaman, nilai ketabahan, dan nilai penghayatan. Ternyata pembelajaran matematik memerlukan pelajar yang berusaha mengetahui, mengaplikasikan, menghayati, dan mengamalkan matematik sehingga menjadi suatu budaya dalam kehidupan. Globalisasi ternyata memberi impak yang besar kepada sistem nilai dan amalan kehidupan seperti ciri-ciri individualisme dan materialistik. Oleh itu sistem pendidikan kini perlu menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang menjamin kebahagiaan kehidupan pada masa akan datang. Pembelajaran matematik bermatlamatkan pencapaian dan penghargaan daripada manusia lain yang menjadi tujuan utama pembelajaran kebanyakan pelajar hari ini perlu dikaji dan diubah. Pendidikan hari ini memerlukan satu perubahan dan integrasi ilmu yang bersepadu agar dapat melahirkan modal insan seperti yang dihasratkan. Model pengembangan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran matematik seharusnya memberikan perhatian kepada input (sumber), proses dan output atau hasil pembelajaran. Kecantikan akhlak dan peribadi di samping pencapaian yang cemerlang dalam akademik merupakan hasil pembelajaran yang perlu direalisasikan.’

Implikasi kajian dibahagikan kepada implikasi teoritis dan implikasi amalan. Implikasi teoritis merujuk kepada perbincangan untuk perbandingan hasil dapatan kajian dengan teori dan model yang mendasari dan digunakan dalam kajian. Manakala implikasi amalan ialah langkah-langkah yang disarankan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan yang terlibat secara langsung seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institusi Pendidikan, organisasi, sekolah, pensyarah, pelajar, pekerja, majikan dan sebagainya. Implikasi amalan juga adalah meliputi sumbangan kepada ilmu dalam bidang yang menjadi fokus atau latar belakang kajian. Berikut adalah beberapa contoh bagaimana implikasi kajian dinyatakan dalam penulisan bab lima ini:

'Modul yang dihasilkan dalam kajian ini mampu memberikan input kepada kurikulum pendidikan dengan mempertimbangkan kerangka modul tersebut agar dapat diaplikasikan untuk subjek-subjek yang lain. Penyelidik hanya memilih beberapa elemen daripada keseluruhan proforma kurikulum seperti mana dipersetujui ulasan pakar dalam fasa reka bentuk dan pembangunan.'

'Nilai dalam kajian ini diteroka melalui imej matematik yang mewakili pandangan pelajar merangkumi pengetahuan, kepercayaan, perasaan, dan sikap mereka terhadap matematik. Oleh itu kajian ini berupaya memberikan beberapa implikasi terutamanya dalam menyumbang dapatan baharu kepada konsep nilai dan kesepaduan ilmu dalam pendidikan matematik. Implikasi kajian terhadap amalan pembelajaran dan pengajaran matematik turut dibincangkan.'

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Beberapa cadangan diunjurkan dalam bahagian ini agar menjadi panduan serta memberikan idea berkaitan tajuk dan bidang yang sama kepada penyelidik-penyelidik akan datang. Ia melibatkan aspek pemilihan kerangka

teori, sampel kajian, lokasi kajian dan fasa penilaian kajian. Berikut adalah contoh bagaimana cadangan kajian lanjutan diterangkan dalam bab ini.

'Kajian ini melibatkan teori konstruktivisme bagi konstruk pembelajaran, teori intruksional dalam teori pemerolehan bahasa bagi konstruk pembelajaran bahasa, model ISD bagi konstruk m-pembelajaran, model pembinaan modul Sidek bagi konstruk pembangunan modul dan model penilaian kepenggunaan TUP (Bednarik, 2002) bagi konstruk penilaian. Kajian selanjutnya dicadangkan boleh menggunakan teori-teori yang lain dalam semua konstruk kajian.'

'Kajian ini mengambil sampel penilaian sebanyak 10 daripada 20 orang pelajar di dalam sebuah kumpulan kursus. Kajian yang akan datang dicadangkan agar dapat melibatkan keseluruhan pelajar dalam sesuatu kumpulan kursus iaitu 20 orang pelajar bagi setiap kumpulan kursus. Selain itu, sampel kajian peringkat analisis keperluan perlu melibatkan kesemua zon di Malaysia, bukan hanya melibatkan zon utara sahaja. Malah, kajian ini juga dapat dijalankan dalam kajian perbandingan antara lokasi di Malaysia dan negara yang lain. Ini merupakan usaha untuk bertukar maklumat mengenai sistem kurikulum dan pendidikan di negara lain dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.'

'Dalam kajian ini, fasa penilaian melibatkan penilaian kepenggunaan dan model yang mendasari proses penilaian kepenggunaan adalah model penilaian kepenggunaan TUP (Bednarik, 2002). Kajian selanjutnya dapat dilakukan dengan memilih model-model penilaian yang lain seperti Model Penilaian Stake's Countenance, Model Penilaian Tyler, Model CIPP dan sebagainya.'

Kajian lanjutan dicadangkan dapat dijalankan menggunakan penilaian kuasi eksperimental yang melibatkan pra dan post. Ia dapat melihat keberkesanan modul pembelajaran bahasa Arab selain menilai kepenggunaan modul.

Dapatan kajian tersebut dapat membantu memberi gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan pelaksanaan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan teknologi mudah alih.'

## **Rumusan**

Rumusan adalah bahagian terakhir subtajuk dalam bab ini dan merupakan penutup kepada semua bab. Kesimpulan secara keseluruhan dinyatakan dalam satu atau dua perenggan sebagai rumusan.

## **Latihan**

- (1) Dalam penyelidikan kualitatif, perancangan kerja, persediaan peralatan, pemurnian protokol temubual dan pemerhatian dilakukan dalam fasa pertama pengumpulan data. Terangkan kepentingan ia perlu dilakukan sebelum beralih kepada fasa kedua pengumpulan data.
- (2) Terangkan jenis implikasi kajian yang sepatutnya diterangkan dalam bab lima tesis penyelidikan.
- (3) Nyatakan sub topik-sub topik yang sepatutnya berada dalam bab lima.
- (4) Nyatakan aspek-aspek yang perlu diambil kira untuk cadangan kajian lanjutan.

## **Rujukan**

Amani Dahaman (2014). Pembangunan modul m-pembelajaran bahasa Arab di institut pendidikan guru

Norziah Othman (2017) Nilai dalam Pembelajaran dan Pengajaran Matematik di Institusi Pengajian Tinggi. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.